oleh:

AL-USTADH SA'ID HAWWA

DAFTAR KANDUNGAN

KATA PENGANTAR

Para da'i yang benar-benar ikhlas dan berazam hendak menyebarkan risalah Islam wajarlah senantiasa mengingati bahawa medan 'amal mereka ini bukanlah kegiatan memenuhi masa lapang yang boleh dibuat secara sambil lewa dan membiarkan diri dan 'amal mereka dipengaruhi oleh suasana dan persekitaran yang senantiasa berubah. Sebaliknya seorang da'i perlu menginsafi bahawa mereka sedang membawa satu amanah yang amat besar lagi berharga, satu tugas paling mulia yang kerananya Nabi-nabi dan R.asul-rasul diutuskan.

Sudah menjadi satu yang lumrah bahawa setiap sesuatuyang besar lagi berharga sukar dicapai melainkan denganbayaran dan pengorbanan yang besar. Begitu juga sesuatutujuan dan matlamat yang besar terpaksa melalui dan mengharung ranjau, kesulitan-kesulitan yang mencabar, dugaan dugaan yang besar, ujian-ujian yang pahit, penderitaan dan kesedihan, kesukaran-kesukaran dan anika kesusahan disamping saat-saat merasai kemanisan dan harapan.

Liku-liku yang sangat panjang dalam perjalanan da'wah menuntut para da'i yang berjalan di atas landasan da'wah menyiapkan diri dengan bekalan supaya dengan bekalan ini perjalanan mereka menjadi lebih terjamin dan sempurna. Mereka memerlukan kasih sayang dan rahmat dan Arhamar Rahimin, Tuhan yang dariNya bersumber segala kurniaan dan

MUQADDIMAH

Sebenarnya penyakit-penyakit umat Islam dapat dirumuskan kepada 5 bidang.

i. Sudut pengetahuañ

ii.Sudut pendidikan dan akhlaq

iii.Sudut perencanaan

iv.Sudut tanzim atau penyusunan

v. Sudut perlaksanaan

Teori pengetahuan Islam semakin meruncing, umat Islam pula semakin lemah dalam usaha mempertingkatkan pencapaian akhlaq Islamnya yang mulia. Pemikiran dan perencanaannya hampir pupus bila berhadapan dengan suasana persekitaran serta tuntutan-tuntutan baru dan mentaliti penyusunan Islam meruncing dalam mengemukakan teori-teori yang menasabah dan sesuai untuk mencapai matlamat-matlamat Islam yang didasarkan kepada perencanaan yang tinggi. Di dalam suasana ini umat Islam kehilangan kemampuan untuk melaksanakan sesuatu yang setimpal bagi mencapai matlamat-matlamat juz'i di dalam harakah mereka, maupun matlamat-matlamat yang lengkap dalam pergerakan semasa mereka, apatah lagi di dalam pergerakan di masa akan datang. Kesemuanya ini merupakan kemerosotan yang amat jauh daripada contoh tauladan agung yang terdapat pada para Rasul 'alaihimussalatu Wassalam dan sahabat-sahabat mereka. (radiyallahu'anhum ajmain)

Perhatikan saja kepada Nabi Yusuf 'alaihissalam ilmunya dan akhlaqnya, bagaimana saudara lihat perencanaannya, perlaksanaannya dan penyusunannya. Baginda telah mengetahui melalui mimpi Raja Mesir dan menyelami situasi yang akan berlaku ke atas Mesir dan dengan cepat-cepat baginda menggaris perancangan kerja.

Firman ALlah Subhanahu Wata'ala:

"Yusuf berkata: 'Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan dibulirnya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dan (bibit gandum) yang akan kamu simpan.

"... . Kemudian setelah itu akan datang tahun yang padanya manusia diberi hujan (dengan cukup) dan di mana itu mereka memeras anggur."

(Surah Yusuf : ayat 47 – 49)

Di dalam diriNya terdapat kemampuan-kemampuan yang diperlukan bagi menjayakan marhalah-marhalah penyusunan dan perlaksanaan.

Firman ALlah Subhanahu Wata'ala:

"Berkata Yusuf : 'Jadikanlah aku bendaharawan negara (Mesir); sesungguhnya aku adalah orang yang pandai menjaga lagi berpengetahuan"

(Surah Yusuf : ayat 55)

Baginda telah melaksanakan tuntutan-tuntutan marhalah tadi dengan sebaik-baik dan sesempurnanya sehingga kesan keberkatannya melimpah keluar dan bumi Mesir di mana saudara-saudaranya telah datang meminta bantuannya kerana negeri mereka dilanda kemarau, dalam suasana mereka tidak mengenali Baginda.

Firman ALlah Subhanahu Wata'ala:

"Dan saudara-saudara Yusuf datang (ke Mesir) lalu mereka masuk ke (tempatnya). Maka Yusuf mengenal mereka, sedang mereka tidak kenal (lagi) kepadanya.

Dan tatkala Yusuf menyiapkan untuk mereka bahan makanannya, ia berkata: 'Bawalah kepadaku saudara mu yang seayah dengan kamu (Bunyamin), tidakkah kamu melihat bahawa aku adalah sebaik-baik penerima tamu?"

(Surah Yusuf : ayat 58 – 59)

Firman ALlah Subhanahu Wata'ala

"Mereka berkata: 'Wahai Al 'Aziz, sesungguhnya ia mempunyai ayah yang sudah lanjut usianya, lantaran itu ambillah salah seorang di antara kami sebagai gantinya, sesungguhnya kami melihat kamu termasuk orang-orang yang berbuat baik."

(Surah Yusuf : ayat 78)

Inilah apa yang telah dilakukan oleh Nabi Yusuf dalam menghadapi marhalah yang sukar ini dan dialah salah seorang Rasul yang diminta oleh ALlah Subhanahu Wata'ala supaya ditiru dan diambil contoh.

Cuba kita perhatikan kepada Khalid Al Walid radiyaAllah hu 'anhu di hari peperangan Yarmuk bagaimana beliau telah menguasai situasi dengan begitu cepat, bagaimana beliau merancang, bagaimana beliau menyusun bala tentera, di bahagikan kepada kelompok-kelompok dan bagaimana perlaksanaan beliau yang rapi sehingga menghasilkan kemenangan yang abadi.

Cuba saudara perhatikan kepada Sayyidina 'Umar radiyaLlahu 'anhu bagaimana baginda mentadbirkan negara. Urusan pemerintahan Daulah Islamiyyahnya penuh dengan perencanaan, penyusunan dan perlaksanaan dan bagaimana beliau boleh memahami setiap persoalan dan tuntutan apabila orang-orang Islam memerlukan penyelesaian kepada suatu masalah yang rumit. Kedua, bagaimana beliau memindahkan hasil pengalaman, pentadbiran Farsi yang moden itu ke dalam pentadbirannya.

Sebenarnya 'aqliyyah Islamiyyah di hari ini menghadapi segala macam cabaran yang setimpal dengan kemampuannya dalam bentuk perencanaan,

penyusunan dan perlaksanaan. Seseorang yang mempelajari sirah RasuluLlah SaLlaLlahu 'alaihi wasallam akan mendapati kesemuanya ini dalam bentuk yang lengkap dan sempurna. Perhatikan bagaimana baginda bertindak selepas hijrahnya mempersaudarakan antara orang-orang Islam Madinah dan orang-orang lain, mengasaskan masjid, memisahkan kedai-kedai orang Islam daripada kedai-kedai orang Yahudi. Dengan cara ini segala masalah dapat diatasi, malah dengan ini juga baginda telah meletakkan asas-asas ikatan di dalam masyarakat baru. Seterusnya cubalah saudara perhatikan bagaimana baginda melaksanakan kesemuanya ini selangkah demi selangkah sehingga tertegaklah agama ALlah 'Azza Wajalla.

Cuba saudara perhatikan bagaimana baginda RasuluLlah SaLlaLlahu 'alaihi Wasallam meneruskan perjalanan bersama dengan sahabat-sahabatnya semasa di Mekah, daripada cara rahsia kepada keterbukaan, daripada tinggal di Mekah hingga berhijrah ke Madinah dan cuba perhatikan pula bagaimana Rasulu'Llah SaLlaLlahu 'alaihi Wasallam memerintahkan orang-orang Ansar di dalam bai'ah 'Aqabah kedua supaya mereka memilih dua belas orang naqib. Kesemuanya ini menunjukkan tuntutan sewajibnya supaya orang Islam mempunyai aqliyah Islamiyyah, mentaliti perencanaan, penyusunan dan perlaksanaan daripada jenis yang pertama. Dan bagaimanakah ini tidak mungkin sedangkan Al-Qur'an masih wujud dan sirah Nabawiyyah masih terpelihara. Al-Qur'an memberi dorongan, manakala Rasul pula memberi contoh.

Juga AI-Qur'an telah menceritakan kepada kita kisah Nabi Musa 'alaihissalam. Cuba saudara perhatikan bagaimana tanzim itu merupakan satu gejala yang nyata.

Adapun di zaman kita ini di mana kesemuanya di dalam kelemahan: Kelemahan di dalam 'ilmu pengetahuan Islam, kelemahan dalam pentarbiyyahan, kelemahan di dalam perencanaan dan kelemahan di dalam perlaksanaan.

Semestinya di zaman terakhir ini, pimpinan ummah Islamiyyah mestilah menguasai situasi baru antarabangsa dan wajib mereka bergerak berdasarkan kepada sikap ini dan dengan itu mereka dapat melahirkan konsep-konsep pengetahuan dan pendidikan yang setimpal dengannya. Demikian juga perencanaan yang sesuai dan penyusunan yang menepati tuntutan. Seterusnya mereka pula akan bertindak di dalam perlaksanaan dengan teliti. Inilah yang sepatutnya dilaksanakan dengan didasarkan kepada Islam tetapi sebaliknya di mana mereka mengambil jalan yang berbagai-bagai dan aliran yang berlainan. Kelemahan mereka yang sedia ada ditambah pula dengan yang lain dan mereka tidak keluar dari kebingungan mereka, samada pemerintahan maupun rakyat jelata. Apa yang berlaku di atas bumi Islam yang hidup hari ini, seolah-olah kita menuju kepada suatu marhalah penjajahan baru di dalam bidang politik dan ketenteraan dengan rupa bentuk yang berlainan.

Di antara kewajipan yang paling awal bagi Qiadah Islam ialah pandai menilai suasana persekitaran dan daripadanya dapat dikeluarkan keputusan, seterusnya dapat direncanakan bagaimanakah hendak melaksanakan keputusan tadi dan sewajibnya wujud suatu tanzim (penyusunan) yang boleh menolong untuk melaksanakan keputusan tadi dan tanzim ini hendaklah berjalan terus ke arah perlaksanaan sehingga tercapai matlamat yang digariskan. Kewajipan ini dituntut dan semua yang bertanggungjawab dan di dalam semua peringkat kerja, ketua negara di dalam negaranya, qiadah Islamiyyah antarabangsa, qiadah tempatan, qiadah tertinggi dan qiadah bawahan. Selagimana mentaliti seumpama ini yang mampu mengkadarkan situasi di arena yang terbentang di hadapannya dan selagimana tidak wujud 'aqliyyah yang mampu membuat keputusan serta mampu merancang, menyusun dan melaksana, maka selama itulah kebingungan dan kebuntuan terus berulang-ulang dan seterusnya akan menjadi corak yang menguasai tindak-tanduk orang Islam.

Di samping keperluan dan tuntutan qiadah dengan' kemampuan-kemampuan yang disebutkan tadi, ianya juga mesti mempunyai kemampuan untuk memahami perubahan suasana yang silih bertukar dan semasa ke semasa supaya ianya dapat meminda sikapnya terhadap tuntutan keadaan serta meminda perencanaan dan mengubahsuaikan penyusuan (tanzim) di samping membuat tindakan lanjut sesuai dengan tuntutan perubahan.

Apabila kita lemah dan ketinggalan untuk mengikuti situasi antarabangsa dan tempatan, maka akibatnya kita sering bekerja dengan keadaan jauh terpisah daripada waqi' dan masa. Dan sering berlaku juga di mana kita lemah untuk mengambil peri'tibaran yang terus daripada kejadian kejadian yang kecil dan kejadian-kejadian yang besar, seolah olah kita ini hidup tanpa pengalaman. Oleh itu keupayaan menilai satu-satu situasi pada setiap masa itu yang disertai pula dengan perencanaan yang setimpal dengannya merupakan intipati bagi memilih kemampuan qiadah.

Satu kajian yang menyeluruh bagi setiap peristiwa dan kejadian yang baru disertai dengan pengubahsuaian perencanaan yang lalu menggambarkan kewibawaan qiadah untuk pengarahan semasa. Kelemahan di dalam kedua-dua hal ini merupakan pemusnah kepada kerja-kerja Islam, kerana di dalam suasana itu seolah-olah kita bekerja dengan keadaan kita ini jauh daripada matlamat yang sebenarnya. Oleh itu kita berkewajipan mengikuti penuh situasi antarabangsa ini dan mengetahui sepenuhnya arus-arus positif dan negatif yang mengelilingi kita sehingga dengan itu tidak ada sebarang arus negatif tanpa perhitungan dan tidak ada arus positif tanpa dipergunakan dan dimanfa'atkan. Cuba saudara perhatikan sebagai satu contoh di mana Rasulu'Llah SaLlaLlahu 'alaihi Wasallam bersabda:

'Sebaliknya qiadah yang tidak pandai memanfa'at han arus-arus positif di sekitarnya untuk kepentingan da'wah, qiadah seumpama ini bagaikan seorang lelaki yang telah mengendalakan manafa'at daripada modalnya sedangkan ia amat perlu kepada modal yang seumpama ini.'

Sebenarnya telah pun saya tulis dua buah kitab yang pertama iaitu "JunduLlah Thaqafatan Wa Akhlaqan, dan yang keduanya ialah 'JunduLlah Takhthithan Wa Tanziman Wa Tanfizan'. Tujuan saya ialah ingin membawa individu Muslim kepada beberapa permulaan yang sihat di dalam persoalan 'pengetahuan, akhlaq, perencanaan, penyusunan dan perlaksanaan (tanfiz),

Kitab yang pertama telah pun muncul manakala yang kedua belum lagi kerana beberapa sebab di antaranya; suasana tidak membenarkan pengedarannya dengan tujuan kitab ini boleh mencapai matlamat yang dicita-citakan. Selepas itu saya berfikir semula untuk mengedarkannya dalam bentuk bahagian-bahagian yang dipilih sebagai risalah risalah kecil, sebagaimana yang telah saya nyatakan di dalam kitab Min Ajli Khuthuwat Ila Al-Amam, selepas itu saya dapati suasana masih lagi tidak membenarkan untuk berbuat demikian. Akhirnya ALlah Subhanahu Wata'ala mem bukakan pintu hati saya untuk memilih sebahagian daripadanya sebagai pelajaran-pelajaran untuk dihidangkan kepada ummah Islamiyyah sempena kedatangan abad ke 15 Hijrah dengan harapan semoga ianya dapat menanamkan peranannya, kerana apa yang tidak dapat dicapai kesemuanya, tidak pula ditinggalkan sebahagiannya, maka inilah kitab yang telah menamatkan sebahagian daripada pemikiran tadi. Kitab ini merupakan kitab yang ketujuh daripada siri Fil Bina' dan dengan ini kita akan menutup pembicaraan dan penghuraian kita di dalam siri ini. Sebagaimana siri-siri yang pernah kita keluarkan dahulu:

1. JunduLlah Thaqafatan Wa Akhlaqan.

2. Min Ajli Khuthuwat ha Al-Amam

3. Tarbiyyatuna Ruhiyyah

4. Jaulat fi Al-Fiqhiyyin Al-Kabir Wa Al-Akbar.

5. Al-Madkhal ha Da'wah Al-Ikhwan Al-Muslimin.

6. Fi Afaq Al-Ta'lim.

7. Kitab ini (Durus Fi Al-'Amal A1-Islamiy.)

Sebagaimana yang kita jelaskan adalah merupakan pilihan-pilihan daripada kitab "   " : "   ". Pilihan-pilihan ini boleh membuka jalan kepada individu Muslim untuk mengambil bekalan keperluannya di dalam marhalah-marhalah walaupun tidak disebutkannya di dalam pilihan-pilihan ini.

Saya harap kitab ini dapat dimanafa'atkan oleh setiap Muslim, lebih-lebih lagi peringkat qiadah di dalam ummah Islamiyyah.

Kitab ini di samping saudara-saudaranya dalam siri ini, saya cetuskannya berdasarkan kepada kefahaman saya terhadap syari'at ALlah dan berdasarkan kepada ijtihad ijtihad Hassan Al-Banna RahimahuLlah di mana asasnya pula ialah syari'at ALlah Subhanahu Wata'ala. Dan boleh jadi di dalam siri ini kedapatan ijtihad-ijtjhad peribadi saya sendiri, oleh itu saya

anggapkannya sebagai rujukan kepada pekerjaan di lapangan Islam untuk beberapa tuntutan mereka yang masih lagi perlu dipeejelaskan.

Dan awal lagi saya berkata:

Bahawa pemerintah-pemerintah Islam berkewajipan mendokong Islam, berkewajipan mengajarnya kepada manusia, berkewajipan mendidik mereka dengan nilai-nilainya, berkewajipan merangka perencanaan bagi memperluaskan sayap pemerintahannya, berkewajipan menyusun (tanzim) untuk menegakkannya dan melaksanakan perencanaan tadi secara berterusan demi kemaslahatan kekuasaan Islam sebagaimana juga setiap Muslim melaksanakan peranan-peranan nya.

Sebenarnya pengalaman yang hidup telah membuktikan di mana fakturnya yang menolong pergerakan Islam hingga ke saat ini adalah pada merekayang mendokong Islam dengan penuh keimanan dan kefahaman meskipun menghadapi tekanan suasana yang pahit. Oleh itu maka kitab ini mengarahkan golongan pertama terdiri daripada anak-anak Islam yang benar lagi ikhlas untuk Islam di mana merekalah yang menjadi harapan dan pergantungan untuk menyibarkan Islam di 'alam ini. Kita berkata begini bukanlah bererti mengabaikan usaha-usaha yang dilakukan oleh siapa saja — golongan yang baik maupun yang jahat — tetapi sebenarnya apa yang kita katakan ini ialah untuk menjelaskan haqiqat khidmat bakti yang ingin disampaikan melalui kitab ini.

Adalah baik untuk kita katakan bahawa dengan kitab ini maka tidak perlu lagi ijtihad harian dalam kerja Islam malah ianya merupakan sebahagian daripada sumbangan untuk memperkayakan pemikiran Islam dan tidak seharusnya tergendala kerana gerakan harian yang dikendalikan oleh pimpinan menghadapi perkara-perkara baru pada setiap hari. Tuntutan-tuntutannya banyak dan bentuk-bentuk kerja pun banyak, oleh itu maka ijtthad harian, dan curahan fikiran sentiasa diperlukan; di samping pengurusan dan pemerhatian yang menyeluruh terhadap kedudukan-kedudukan yang kita hadapi. Oleh yang demikian maka pihak qiadah yang mendapat taufiq hendaklah menghadapi setiap yang baru dengan suatu yang setimpal dengannya dan setiap yang berubah diganti dengan suatu yang lebih munasabah. Qiadah seumpama ini sentiasa menilai suasana dan mengeluarkan keputusan yang bijak berdasarkan kepada perencanaan yang sesuai. Ianya sentiasa mengubahsuaikan penyusunannya — sesuai dengan tuntutan yang mendatang sebagaimana persoalan ini tidak dapat memenuhi tuntutan semasa dengan ertikata mengekalkannya dalam bentuk yang beku, maka inilah yang melumpuhkan harakah itu.

Saya menamakan kitab ini dengan **"Durus Fi Al-'Amal A1-Islamiy" (Beberapa Pelajaran Dalam 'Amal Islamiy)**, kerana setiap kajian di dalamnya menepati pelajaran-pelajaran yang diperlukan oleh seorang Muslim di masa kini. Oleh yang demikian makä pertama kali yang dilihat oleh pembaca di dalam kitab ini ianya tidak menepati cara pembahagian tajuk kepada bab-bab, fasal-fasal dan perenggan perenggan di mana yang

seharusnya setiap bab itu merangkumi beberapa bab yang ada kaitan. Malah ianya merupakan sekumpulan pelajaran yang lebih menyuburkan memperluaskan dan memperlengkapkan lagi 'ilmu seorang Muslim terhadap sesuatu yang diperlukan di dalam pergolakan yang berterusan ini.

Sebenarnya pelajaran-pelajaran ini cuba menjelaskan jalan kepada individu Muslim agar ianya mempunyai pegangan yang merupakan kunci ke arah pengagihan tenaganya di dalam perencanaan, penyusunan dan perlaksanaannya. Oleh itu maka kitab ini tidak dapat keluar kepada suatu konsep yang lain, kerana setiap yang ditulis oleh manusia tidak seharusnya menjadi belenggu sedemikian rupa. Sebenarnya sebarang kitab yang mengetahui bagaimana membuat keputusan yang bijak terhadap sesuatu yang dihadapinya dengan pertolongan daripada ALlah Subhanahu Wata' ala dan taufiqNya.

Yang masih tinggal untuk kita perkatakan lagi terhadap mereka yang mengkritik kita kerana kita menyajikan kitab ini, ialah sebanarnya musuh kita meramalkan sesuatu pada kita dan mengetahui banyak perkara mengenai kita malah mungkin musuh-musuh kita itu lebih mengenali din kita daripada rakan kita sendiri. Dan di dalam banyak hal musuh kita telah pun membuat perkiraan terhadap pemikiran pemikiran kita. Sekiranya kita membuat perhitungan yang banyak, maka ini adalah untuk pengetahuan individu Muslim dan kesedarannya. Saya berpuashati dan merasakan betapa perlunya disampaikan beberapa perkara kepada setiap individu Muslim kerana ketika ini sahajalah waktunya di mana tiada siapa pun yang boleh membendung arus pergerakan Islam.

PELAJARAN PERTAMA

(Bilakah akan wujudnya HizbuLlah yang sempurna dan lengkap)

Bila mana lahirnya seorang lelaki yang telah menepati pada dirinya kecintaan kepada Allah, ia bersikap lemah lembut kepada orang Mu'min, tegas kepada orang kafir, ia berjihad serta menyerahkan keta'atannya kepada Allah, RasülNya. dan orang Mu'min; maka di ketika itu wujudlah suatu individu dari Hizbullah. Dan sekiranya terdapat individu-individu seumpama ini tetapi mereka tidak mengenali di antara satu sama lain, dan justeru itu tidak berhubung di antara mereka dan tidak bekerjasama dalam rangka usaha mencapai suatu matlamat yang sama, maka tinggallah persoalan ini di dalam bentuknya yang asal tadi iaitu adanya individu-individu daripada HizbuLlah di sana sini. Tetapi apabila individu-individu ini bercantum menjadi satu saff dengan memenuhi syarat-syarat yang di atas, dan mereka melancarkan tindak — kerja melalui syura' dalam usaha untuk mencapai matlamat bersama, maka ketika ini barulah wujudnya HizbuLlãh.

Di waktu medan kerja bertambah luas dan golongan ini dapat memenuhi seruan-seruan kerja Islam serta segala keperluannya, lantas. mereka menyalurkan suatu pandangan yang menyeluruh di dalam aspek 'ilmu pengetahuan,tarbiyyah, penyusunan (tanzim) gerakan dan tektik (perencanaan), maka di saat inilah lahirnya hlizbuLlãh di dalam bentuk yang sempurna dan lengkap; kerana inilah suatu permulaan yang sihat untuk mencapai tuntutan-tuntutan yang selama ini menunggu tokohnya.

Setelah kita menatapi penulisan di dalam kitab "   " dapatlah kita memahami apakah dia 'ilmu pengetahuan yang mesti dimiliki oleh HizbuLlah? Dan apakah asas akhlaknya pula? Apakah kehadhiran HizbuLlah ini suatu kemestian dan suatu keperluan yang tidak dapat tidak mesti ada untuk setiap negeri Islam dan untuk Ummah Islamiyyah keseluruhannya, malah untuk manusia sejagat di alam ini; masa ini dan masa hadapan? Tetapi suatu hal yang mesti diingati; bahawa kehadhiran HizbuLlah bukanlah sesuatu yang mudah, senang, ringkas dan biasa. Ianya juga tidak boleh disamakan dengan parti-parti dunia yang lain dan bukan pula ianya suatu perkumpulan yang menyerupai perkumpulan-perkumpulan yang lain. Oleh itu sistemnya tidak menyamai sistem-sistem yang lain, jalan kerjanya tidak sama dengan jalan-jalan kerja parti-parti yang lain, dan wasilahnya pula berlainan dengan wasilah yang lain.

Sesungguhnya HizbuLlãh adalah suatu 'hizb' yang mempunyai ciri-ciri tertentu yang teradun di dalam suatu 'ilmu khusus, suatu tarbiyyah khusus, suatu kesedaran khusus, suatu praktjk amali yang khusus dan suatu kombinasi yang khusus. Apabila terdapat faktur-faktur ini, di samping adanya kepimpinan, keahlian untuk syura dan tentera; di mana tentera mempunyaj ciri-ciri khusus mereka, pemimpin juga mempunyai ciri-ciri khusus kepimpinannya, maka melalu ciri-ciri khusus ini seorang individu akan meningkat dari taraf askar biasa kepada taraf pemerintah pasukan dan dan pada peringkat munaffiz (pekerja) kepada peringkat tokoh syura; di ketika ini ujudnya suatu HizbuLlãh.

Sebelum lahir suatu pimpinan yang memiliki ciri-ciri khusus kepimpinannya, sebelum lahir tokoh syura yang memiliki ciri-ciri khusus keahliannya dan sebelum lahir seorang tentera yang mempunyai sifat-sifat khusus ketenteraannya, belum boleh kita mengatakan bahawa HizbuLlãh adalah suatu harakah yang hidup. Oleh itu, kelahiran 'sistem sistem organisasi dalam' untuk HizbuLlãh ini mestilah datangnya selepas terbentuknya HizbuLlãh dengan erti kata yang sebenarnya, kerana di saat ketiadaan tokoh-tokoh HizbuLlãh; kecuali seorang yang memenuhi ciri-ciri khusus dalam kepimpinan HizbuLlah, sistem dalam ini tidak akan dapat berfungsi. Dan ketika mana ketiadaan langsung seorang lelaki (rijal) yang memenuhi ciri-ciri khusus ahli syurã, maka sistem ini tidak akan ujud. Sebenarnya pengisian tempat hanya dapat berlaku bila mana tercapai dan terlaksananya ciri-ciri khusus ini, kerana ciri-ciri khusus ketenteraanlah yang melahirkan seorang tentera dan ciri-ciri khusus tokoh syuralah yang melahirkan seorang lelaki syurã, dan ciri-ciri khusus kepimpinanlah yang melahirkan seorang pemimpin. Dan sinilah kita memerhatikan di mana fikrah naqib-naqib itu mengambil peringkat yang kedua, dan bukannya dan peringkat yang pertama, dan tidak pula di antara keduanya (peralihan).

Oleh itu, maka tugas terbesar untuk mereka-mereka yang mencintai Islãh ialah melahirkan tokoh tokoh (rijal) yang memiliki sifat-sifat khusus:

1. Ciri-ciri kepimpinan.
2. Ciri-ciri tokoh syurã.
3. Ciri-ciri tentera Allah.

Ini adalah kerana tugas am HlizbuLlah ialah Al-Jihad di mana tugas ini tidak akan tersusun dan tidak akan terlaksana, kecuali dengan adanya kepimpinan, ketenteraan dan syura. Sesungguhnya Jihad pula tidak akan tertegak tanpa kepimpinan dan tentera, demikian juga tanpa syura tidak akan ujud suatu jaminan yang sempurna di dalam perjalanan yang sihat. Juga tidak akan ujud syura, kepimpinan dan ketenteraan tanpa ujudnya ciri-ciri khusus masing- masing.

Di antara ciri-ciri khusus kepimpinan:

Mempusakai sepenuhnya warisan RasüluLlãh di dalam segala sifat: amanah, benar, tabligh, fatãnah (kebijaksanaan), dan juga di dalam usaha

mempelajari kitab Allah, Sunnah Ar-Rasül dan Tarbiyyah Islamiyyah. Sebelum ujud semuanya ini, tidak akan lahir HlizbuLlãh dengan ertikata yang sebenarnya.

Di antara ciri-ciri khusus tokoh syurä:

Pengetahuannya menyeluruh terhadap kitab Allah dan Al-Sunnah, disertai dengan kesedaran, pengalaman, kepastian dan pengalaman semasa serta manusianya sebagaimana mengikut Al-Athar:

Golongan Al-Qurä' yakni ahli hafaz dan bacaan Al-Qur'an adalah anggota Majlis 'Umar, yang tua mahupun yang muda.

Di antara ciri-ciri khusus tentera Allah:

Kefahaman, taqwa dan ta'at; oleh yang demikian maka setiap Rasül telah berkata kepada kaumnya:

"Bertaqwalah kamu kepada Allah dan ta'atilah daku."

(Surah Al-Syu'ara: Ayat 108)

Sesungguhnya apabila lahir seorang lelaki da'wah yang mampu membuat bai'ah untuk bertaqwa dan menta'ati al-haq, ianya mestilah membimbing seorang Muslim lain kepada jalan ketenteraan yang sempurna, dan mempertingkatkannya serta memperlengkapinya sehingga ia boleh mencapai peringkat tokoh syurá. Dan ketika mana lahir suatu kumpulan lelaki (rijal) yang memperlengkapi din-din mereka dengan ciri-ciri khusus tokoh syura, di sa'at itulah lahirnya seorang pimpinan (amir) di kalangan mereka.

Ketika Allah Subhanahu Wata'ãla berfirman di dalam sürah Al-Saffat; ayat 147:

"Kemudian Kami utuskan dia kepada Ummat serratus ribu orang atau lebih."

Dia benar-benar telah memahami kita, di mana setiap seratus ribu manusia memerlukan kepada seorang lelaki penda'wah dan golongan pertama iaitu golongan Nabi-Nabi. Dan apabila RasüluLlãh SaLlaLlahu 'alaihi Wasallãm memilih dua belas orang naqib dari kalangan mereka yang berbai'ah dengannya di hari Bai'atul 'Aqabah yang terdiri daripada tujuh puluh orang kesemuanya atau di sekitarnya, kita dapat memahami bahawa satu jama'ah telah ujud dengan sistemnya yang tersendiri yang dibentuk oleh tujuh puluh orang atau di sekitarnya itu tadi.

Dan ketika Sayyidinã 'Umar Ibnu Al-Khattab memilih anggota Majlis Syura yang mencapai kesyumulan 'ilmu,

maka fahamlah kita siapakah orangnya yang sepatutnya menganggotai majlis syura amir itu tadi.

*****

Apabila terdapat pada setiap daerah seorang amir yang terhias di dalam dirinya ciri-ciri khusus ini dan mempunyai suatu Majlis Syurãnya

yang juga mempunyai ciri-ciri khususnya serta dilingkungi pula oleh dua belas orang naqib membantunya dalam melaksanakan tugas-tugasnya; di mana kesemua mereka dituntuni oleh tugas pembelajaran, pentarbiyyahan, karangan politik dan lisan, maka di sinilah ujudnya HizbuLlãh. Dan apabila ujud tokoh-tokoh yang memiliki ciri-ciri khusus ini, tidak akan timbul di sana masalah-masalah; pemilihan ummum dapat diterima, perlantikan pun dapat diterima, pemilihan secara langsung pun dapat diterima dan pemilihan secara tidak langsung pun dapat diterima. Sebenarnya, ketika ini suasanalah yang selalu menentukan jenis-jenis caranya ini.

Berdasarkan kepada matlamat-matlamat ini maka kita ingin menentukan tugas-tugas para penda'wah:

1. Berusaha untuk menjadikan manusia sebagai tentera-tentera Allah.

2. Berusaha untuk mempertingkatkan tentera biasa kepada peringkat naqib.

3. Berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkannya bagi mencapai ciri-ciri khusus tokoh syura,

4. Berusaha bersungguh-sungguh untuk menyempurnakan kepimpinannya.

Semua langkah ini hendaklah diiringi dengan keikhlasan yang bulat kepada Allah dan membebankan jiwa dengan tidak bekerja kepada yang lain selain Allah. Firman Allah Subhãnahu Wata'âla:

"Itulah kampung Akhirat, Kami adakan untuk orang orang yang tiada menghendaki sombong di muka bumi dan tidak pula membuat bencana, akibat yang baik bagi mereka yang bertaqwa."

(Al-Qasas: Ayat 83)

Di dalam peringkat pembentukan (   ) inilah adab umum memainkan peranan di dalam mengikat dan menentukan tindakan-tindakan kita terutamanya adab adab seperti berikut:

1. Mengetahui kelebihan orang yang berkelebihan. Sabda RasüluLlãh SaLlaLlãhu 'alaihi Wasallãm:

"Tiada mengetahui kelebihan seseorang yang mempunyai kelebihan kecuali orang yang berkelebihan juga."

2. Keta'atan dengan ma'rüf ahli 'ilmu. Ibn 'Abbas telah mentafsirkan firman Allah:

sebagai

'Ta'atilah Allah, dan ta'atilah Rasul dan orang-orang berilmu di kalangan kamu"

(An-Nisa': Ayat 59)

3. Berkasihan belas kepada yang meminta (menuntut). FirmanAllãh:

"Dan rendahkanlah sayap kamu kepada orang yang beriman, yakni terhina dirilah, jangan sombong."

(Al-Hijr: Ayat 88)

Sebenarnya HizbuLlãh akan mencapai peringkat kesempurnaannya, ianya berada di bumi waqi' (realiti) disertai dengan keadah- kaedah dan konsep-konsep yang sempurna di dalam bidang tarbiyyah dan pelajaran. Sekiranya terdapat kaedah-kaedah dan konsep-konsep yang sihat di dalam sistem dan organisasi, dan bilamana HizbuLlãh memiliki suatu perencanaan yang sihat, strategi yang jelas serta gerak kerja hariannya yang sejajar dalam rangka mencalas serta gerak-kerja hariannya yang sejajar dalam rangka mencapai matlamatnya, di ketika ini sahajalah HlizbuLlãh ini berkeahlian dan tercalun untuk mengatur langkah-langkah yang sihat.

PELAJARAN KEDUA

(Demi untuk HlizbuLlah yang satu, dan demi untuk Harakah Islamiyyah yang satu)

Prinsip asal di dalam Islam menuntut supaya orang orang Islam berada di dalam satu jamã'ah sahaja di dunia ini, lebih-lebih lagilah di dalam sesebuah negara yang semestinya hanya satu jama'ah sahaja yang ujud. Al Ustãdh Hassan Al-Bannã rahimahuLlah telah pun meletakkan Rukun Kefahaman di dalam Usul 'Isyirin sebagai titik pertemuan yang dengannya dapat disatukan seluruh orang-orang Islam khususnya dari segi kefahaman terhadap Islam itu sendiri. Untuk itu Ikhwãn diminta supaya melahirkan suatu sighah (bentuk) penyusunan yang sesuai dan yang boleh sampai kepada penglahiran suatu saff (front) yang bersatu di dalam sesebuah negara atau ke arah penyusunan yang satu di dalam sesebuah negara, dan seterusnya ke arah pembentukan Harakah Islamiyyah yang tunggal di dunia ini.

Bermula dan kejatuhan Khulafah Islamiyyah sehinggalah ke sa'at ini, mereka yang beriman dengan Islam belum lagi mampu membentuk suatu jamã'ah dengan qiyadah (pimpinan) yang satu di dalam sesebuah negara, lebih-lebih lagilah untuk melahirkan suatu jamã'ah yang'bersatu untuk semua negara. Oleh itu kita dapati di dalam sesebuah negara timbul kelompok-kelompok yang berdasarkan kepada tasawwuf kelompok-kelompok yang berdasarkan kepada 'ilmiyyah dan kelompok-kelompok yang berdasarkan kepada kebajikan masyarak serta kumpulan-kumpujan yang berdasarkan kepada kebajikan masyarakat serta kumpulan kumpulan yang berdasarkan kepada asas-asas fikiran atau politik tertentu. Dan saudara akan dapati individu-individu yang banyak ini terbawa-bawa dengan arus dan hanyut tanpa mempunyai hubungan langsung dengan mana-mana penyusunan.

Sesungguhnya saudara tidak akan mendapati golongan orang-orang Islam yang bersatu di dalam kumpulan yang satu yang mempunyai matlamat yang satu, penyusunan yang satu dan fikiran yang satu. Malah saudara akan mendapati mereka berpuak-puak dan berpecah-belah. Apakah punca kesemuanya ini?

Suatu pengamatan yang teliti kepada Al-Qur'anul-Karim dan Sunnah Al-Rasül yang suci akan menyingkapkan beberapa sebab musabab akan kenapa berlakunya yang demikian itu. Begitu juga suatu pengamatan yang tenang terhadap waqi' dan realiti akan membukakan kepada kita sebilangan

sebab-sebab mengapa terjadinya yang demikian itu. Di bawah ini disebutkan sebilangan darinya dengan ringkas supaya dapat kita memperhatikannya:

1. Al-Qur'ãnul-Karim menyebut bahawa diantara sebab sebab bagi perpecahan di kalangan Bani Israel adalah kerana melupakan sebahagian daripada wahyu yang diturunkan kepada mereka. Firman Allah Subbanahu Wata'ala:

"Tetapi mereka sengaja melupakan sebahagian daripada apa yang mereka diberi peringatan dengannya; maka Kami timbulkan di antara mereka permusuhan dan kebencian..."

(Sürah Al-Mã'idah: Ayat 14)

Oleh itu dewasa ini, bila mana orang-orang Islam atau sebahagian daripada mereka melupakan Islam atau sebahagian daripadaNya, ataupun lupa untuk melaksanakan satu ayat sahaja daripada Al Qur'an itu, atau lupa untuk berusaha ke arah melaksanakannya walaupun perlaksanannya buat masa ini merupakan suatu perkara yang sukar, maka hasil dan kealpaan ini mengakibatkan perseteruan dan kebencian merebak di kalangan sesama mereka.

Bagi mereka-mereka yang memerhatikan waqi' (realiti) orang-orang Islam di hari ini mereka akan mendapati bahawa sebahagian daripada orang-orang Islam itu telah lupa bahawa mereka telah ditaklifkan oleh AllAh Subbanahu Wata'Ala untuk memerintah dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah Subbanahu Wata'Ala semata-mata. Sebahagian yang lain pula lupa bahawa mereka telah diperintahkan untuk bantu membantu di antara satu sama lain ke arah kebajikan. Begitu juga sebahagian yang lain telah lupa aspek-aspek 'ibadat, moral dan budi pekerti. Malahan bagi seluruh Ummat Islam, tanggapan mereka terhadap Islam itu tidak lagi sempurna. Sesungguhnya kealpaan kita akan hakikat yang sebagai orang Islam kita tidak seharusnya wala' dan ta'at kepada yang lain daripada Islam dan penganut-penganutnya sahaja sudah cukup untuk membawa kepada perpecahan. Persoalan ini ketara sekali. Demikian juga kealpaan orang-orang Islam bahawa mereka berkewajipan untuk menegakkan hukum. hukum Islam supaya dengan itu akan terlaksanalah Islam dan Jihad; dan kealpaan ini juga sudah cukup untuk membawa kepada perpecahan. Inilah yang sedang beriáku di hadapan mata-kepala kita sekarang ini.

Saudara boleh sebutkan berbagai-bagai sudut lain di dalam Islam yang telah dilupai oleh orang-orang Islam. Inilah sebab utama dan sebilangan sebab-sebab perpecahan di kalangan orang-orang Islam.

2. Al Qur'ãnul-Karim juga telah menyebut satu lagi sebab sebab perpecahan di kalangan Bani Israel; iaitulah hasad dengki. Firman AIIah Subbãnahu Wata'ãla:

"Dan mereka (ahli Kitãb) tidak berpécah-belah melainkan sesudah datangnya pengetahuan kepada mereka kerana kedengkian di antara mereka."

(Al-Syurä: Ayat 14)

RasüluLläh SallaLahu 'alaihi Wasallam telah mentafsirkan ayat ini dengan sabadaNya:

"Telah meresap di kalangan kamu penyakit ummah yang terdahulu daripada kamu, iaitulah hasad dan kebencian yang merupakan pemotong. Aku tidak berkata ianya pemotong rumput, tetapi ianya pemotong yang memotong ugama."

Maka hasad dengki; tidak mungkin dapat bertemu sesamanya di antara manusia.

3. Al Qur'anul-Karim juga menyebut beberapa sebab persefahaman yang sebenarnya di antara jiwa-jiwa manusia; iaitulah Rahmat Allah Subhanahu Wata'äla. Al-Qur'an juga telah menyebut sifat-sifat yang mesti dimiliki oleh orang-orang yang beriman demi untuk mendapatkan Rahmat Allah, yang mana selepas itu akan berlakulah persefahaman hati (jiwa). Firman Allah Subhãnahu Wata'aIa:

"Tetapi mereka sentiasa berselisih pendapat, kecuali orang-orang yang diberi Rahmat oleh Tuhanmu, dan untuk itulah Allah mencipta mereka."

(Sürah Hüd: Ayat 118 – 119)

Dan Firman Allah untuk memperingatkan lagi sifat sifat mereka yang layak mendapat RahmatNya:

"Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh yang ma'rüf, mencegah yang mungkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, dan mereka ta'at kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi Rahmat oleh Allah sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

(Sürah At-Täubah: Ayat 71)

"dan yang mempersatukan hati-hati mereka (orang orang yang beriman). Walaupun kamu membelanjakan semua kekayaan yang ada di bumi, nescaya kamu tidak akan dapat mempersatukan hati mereka, akan tetapi Allah telah mempersatukan hati mere ka."

(Sürah Al-Anfal: Ayat 63)

Sebenarnya perpecahan di kalangan orang-orang Islam adalah suatu penyakit yang tidak akan sembuh kalau hanya dengan laungan sahaja, bahkan tidak dapat tidak mestilah diubat dan dibenteraskan dari puncanya. Kita mestilah mengubati penyakit orang-orang Islam ini yang merupakan kesan dari penyakit yang disebutkan dahulu. Kita juga tidak lupa untuk menyebutkan di sini sebab musabbab yang membawa kepada pemisahan orang-orang Islam dan tubuh Ummah yang asal; iaitu mereka mengikuti jalan-jalan yang selain dan jalan Allah FirmanNya:

"Dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan yang lain kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalanNya."

(Surah Al An'ãm: Ayat 153)

Bila berlaku yang sedemikian rupa, maka tiada lagi pertemuan yang dapat dicantumkan. Inilah waqi' yang ada di dalam dunia Islam kini.

Sebenarnya dunia Islam sebagai satu yang menyeluruh telah mengambil jalan-jalan yang banyak. Di dalam satu negeri sahaja terdapat berpuluh-puluh jalan syaitan yang bersimpang siur, kesemuanya terpisah dari jalan Allah. Oleh itu, kita mesti menggerakkan satu gerakan da'wah yang menyeluruh ke arah jalan Allah sekiranya kita menginginkan suatu penyatuan yang hakiki..

Penggaraban persoalan ini, iaitu persoalan penyatuan orang-orang Islam adalah penggaraban persoalan yang paling pokok. Kita menyeru seluruh orang-orang Islam di merata pelusuk 'alam ini, di setiap negeri di mana sahaja agar membentuk satu jamaa'ah yang terikat dengan akhlaq dan pengetahuan HizbuLlah serta berusaha untuk bertemu di dalam suatu sistem yang sesuai dan yang mempunyai perencanaan yang sihat ini adalah satu kewajipan semasa, waLlãhu 'alam.

Kita ingin memperingatkan di sini tentang beberapa perkara yang mempunyai hubungan rapat dengan tajuk ini:

Penerusan seorang individu Muslim dengan sikap hanyut tanpa mengikatkan dirinya dengan sebarang kumpulan kumpulan Islam melalui suatu ikatan persaudaraan yang khusus adalah suatu sikap (kedudukan) yang tidak betul; kerana natijah darinya tidak dapat diteruskan( ) saling berpesan dengan kebenaran dan kesabaran. Juga hendaklah diingati bahawa:

"Pertolongan Allah adalah bersama jamã'ah. Dan barangsiapa yang ganjil, maka ganjillah ia di dalam api neraka. Sesungguhnya serigala akan memakan kambing yang memencilkan diri."

"Syaitan dekat dengan orang yang bersendirian dan jauh dari yang berdua."

"Dan pasti mendapat kecintaanKu bagi mereka yang berkasih keranaKu dan bagi mereka yang saling Ziarah keranaKu dan ,bagi mereka yang saling berbelanja keranaKu."

Persaudaraan khusus tidak bererti melupakan persaudaraan umum, dan wala' khusus tidak bererti melupakan wala' umum. Allah Azzawajalla telah menjadikan kesemua orang-orang Islam bersaudara-mara dan menjadikan mereka bantu-membantu di antara satu sama lain. Firman Allah Subhãnahu Wata'ãlã:

"Sesungguhnya orang-orang Mu 'min itu bersaudara."

(Sürah Al Hujurat: Ayat 10)

"Orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah penolong bagi sebahagian yang lain."

(Sürah Al-Tãubah: Ayat 71)

Maka tidak dapat tidak, tolong-menolong pasti berlaku di antara orang-orang Islam. Tolong-menolong ini bermula dengan mempertahankan maruah, iaitu dengan tidak membenarkan orang kafir, munãfiq atau pun fasiq menyerang saudara-saudara kita yang beriman. Pertahanan ini akan sampai kemuncaknya bila mana orang-orang Mu'min saling mempertahankan maruah mereka. Firmãn Allah Subhãnahu Wata'ãla:

"Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berperang di jalanNya dalam barisan yang teratur seperti suatu bangunan yang tersusun kukuh."

(Sürah Al-Saff: Ayat 4)

Kesempurnaan persaudaraan dan tolong-menolong di antara sesama orang Islãm akan tercapai bila mana orang orang Islam dapat bertindak sebagai suatu jasad yang satu. Inilah yang pernah digambarkan oleh RasüluLlãh SaLlaLlãhu 'alaihi Wasallam di dalam satu dari hadithnya. Kesempurnaan ini tidak mungkin akan berlaku kecualilah setelah orang orang Islam mempunyai kepala yang satu serta telah lahir ta'wun (kerjasama) di antara mereka, di samping suatu gerak-kerja yang sempurna lagi tersusun ke arah matlamat yang dituju.

Tidak ada hijab yang lebih tebal di antara sesama orang Islam daripada hijab tiadanya persefahaman sesama sendiri serta tuduh-menuduh di antara satu sama lain dari jauh. Oleh itu, maka sewajibnya dibukakan pintu dialog agar saling berbicara di antara semua pendukung-pendudung Islam di mana setiap orang dapat mengemukakan pandangan masing masing bagi menentukan di mana titik pertemuan dan perselisihan di antara mereka. Seandainya suatu pihak mempunyai dalil-dalil dan alasan yang cukup, maka saudaranya di pihak yang lain patut tunduk dan menerimanya. Kita bertemu di atas usul-usul yang sama-sama kita persetujui, dan berma'afan sésama sendiri di atas usul-usul yang kita berselisihan, berdasarkan kepada perselisihan pendapat di antara imãm-imãm Mujtahidin. Dan untuk sampai keperingkat ini, mestilah terlebih dahulu telah lahir anggota anggota yang mencapai tahap kesempurnaan akhlãq dan pengetahuan sebagaimana yang dituntut oleh HizbuLlah. Dengan ini sahajalah akan ujudnya suatu kuasa yang mampu menyatu-padukan hati-hati Ummah, dan golongan inilah yang bertanggung-jawab sepenuhnya untuk membimbing Ummah ke arah mempertingkatkan sistem 'ilmu, tarbiyyah dan penyusunan untuk semua golongan Is1ãm. Inilah langkah langkah awal dalam penyatupaduan Ummah Islamiyyah di dalam sesebuah negara dan di seluruh dunia ini. Golongan ini juga bertanggung-jawab memberi faham kepada orang orang Islam untuk bergerak di dalam rangka kerja untuk mencapai kesempurnaan yang kemudiannya disusuli dengan satu gerakan bersama untuk mencapai matlamat-matlamat yang diwajibkan ke atas orang-orang Islam.

Sesungguhnya pengasingan mestilah dilakukan di antara orang-orang Islam dan bukan Islam, bukannya di antara sesama Islam. Sekiranya berlaku pengasingan (pemisahan) di antara sesama Islam lantaran perselisihan

pendapat di dalamperkara-perkara furu'iyyah, maka inilah di antara penyelewengan-penyelewengan yang keterlaluan.

Sebenarnya tidak pernah berlaku persamaan pendapat di antara orang-orang Islam dari dua golongan 'ulamã' di dalam semua masalah. Malahan di dalam mazhab dan aliran yang satu pun ianya tidak mungkin berlaku. Sekirañya kita membiarkan masalah furu'iyyah menjadi faktur perselisihan, maka kita tidak akan mendapati dua orang Islam yang boleh bersahabat dan bersaudara. Tambahan pula di sana memang ada suatu golongan manusia yang sentiasa bersiap sedia untuk memarakkan api peperangan di antara sesama Islam dengan mengambil masalah furu'iyyah sebagai punca perkelahian sesama sendiri. Aliran yang seumpama ini sudah cukup untuk menyeret dan menghancurkan ummat Islam di medan pertempuran sesama sendiri, seperti mana yang sedang berlaku di hari ini. Walaupun ada di antara kita yang bersungguh-sungguh di dalam perkara ini, janganlah kita lupa bahawa di sana ada orang-orang kafir yang sentiasa ingin memerintah kita dengan sistem kufurnya. Inilah satu penyelewengan yang dahsyat bagi fahaman Islam yang sempurna ( ).

Seandainya Dãulah Islamiyyah telah pun tertegak, dan Islam di ketika itu mulia dan gagah, di kala itu bolehlah orang-orang Islam memperkata dan memperdebatkan masalah-masalah furu'iyyah ini bahkan kalau hendak berpisah pun tidaklah menjadi suatu persoalan sangat. Walaubagaimana pun, perkara yang seumpama ini tidak seharusnya berlaku. Orang-orang Islam mestilah menjadi seperti suatu tangan yang satu meski pun berlakunya kelainan aliran dan mazhab demi untuk mencegah berlakunya riddah. Kalau tidak bencanalah yang akan menimpa.

Jelas sekali dari apa yang disebutkan di atas, orang orang Islam di dalam sesuatu negeri malahan di seluruh dunia hendaklah berada di dalam satu jamã'ah sahaja. Dan semestinya terdapat suatu kesatuan yang menyeluruh yang mampu menarik orang-orang Islam ke arahnya. ini bukanlah bererti kita hendak membelakangkan kebenaran dan mengenepikan kesempurnaan, malahan kita kesemuanya hendaklah meningkat ke arah kebenaran serta bergerak ke arah kesempurnaan.

Sebagai langkah permulaan untuk semuanya ini, maka sistem pelajaran dan pendidikan tarbiyyah yang sempurna mestilah diadakan. Ianya memainkan peranan yang amat penting; agar semua perkara didasarkan kepadanya, dan ia juga menjadi pengikat janji yang dapat digunakan sebagai kayu ukuran. Sesungguhnya penerimaan seorang individu Muslim biasa, suatu kumpulan Islãm, atau satu jama'ah Islam terhadap sistem pengetahuannya yang tertentu, tarbiyyah Islamiyyah yang tertentu dan pengikat janji yang anjal (flexible) tadi adalah merupakan pendahuluan (muqaddimah) yang biasa ke arah pembentukan suatu jama'ah yang tunggal di dalam suatu negeri dan di 'alam ini.

Sesungguhnya Al-Ustadh Hassan Al-Banna rahimahuLlah bercita-cita supaya gerakan Ikhwanul Muslimin dan da'wahnya menjadi titik pertemuan

di antara seluruh Ummat Islam dan merupakan suatu lengkaran yang mana kesemua orang-orang Islam dapat turut serta di dalamnya. Oleh itu beliau telah meletakkan garis-garis asas di dalam bentuk kaedah dan 'amali sehingga kalau ada orang memandang kepadanya, mereka tidak akan berjumpa dengan suatu bentuk yang lebih sempurna daripada ini yang dapat mempertemukan kembali orang-orang Islam. Oleh yang demikian, Uztãdh Al-Bannä meminta kita mencurahkan kasih sayang kepada golongan-golongan yang lain kerana inilah senya jalan untuk menghindarkan perpecahan dan jalan ke arah penyatuan saff.

Sehingga kini Ikhwan Muslimin sahajalah satu-satunya badan yang dengan dasarnya dapat dipertemukan semua kumpulan-kumpulan Islam di dunia ini. Tariqat sufiyyah atau mazhab-mazhab serta pendukung masalah furuffyyah tidak mampu untuk dijadikan sebagai tapak penyatuan orang orang Islam. Tambahan pula, di dalam Ikhwãn itu sendiri, unsur-unsur gerakannya membolehkan mereka meningkat dan mencapai kesempurnaan.

Di dalam menunaikan tugas da'wah di negeri-negeri masing-masing, anggota-anggota Ikhwãn tidaklah sentiasa sama dengan garis-garis yang dikehendaki oleh Al-Ustadh Hassan Al-Bannä. Oleh itu, orang mengenali Ikhwän melalui individu-individu Ikhwän yang mereka lihat; natijahnya, mereka berlainan pendapat tentang Ikhwän. Dengan itu lantaran adanya beberapa faktur samada dari dalam atau luar Ikhwãn, penyatuan kaum Muslimin tidak terlaksana sehinggalah ke saat ayat-ayat ini dituliskan.

Maka seluruh anggota Ikhwãn hendaklah menjalani suatu operasi di dalam usaha membentuk kembali diri-diri mereka sehingga terlaksananya tuntutan HizbuLlãh di kalangan mereka di dalam ertikata yang sebenarnya. Ingatlah, orang-orang Islam yang paling banyak menepati tuntutan HizbuLläh, merekalah orang-orang yang paling mampu untuk menda'wahkan orang lain ke arahnya. Insya' Allah, Ikhwãn Muslimin masih tetap di jalan ini. Ikhwan tidak berhasrat untuk menarik seseorang dari golongan yang disertainya atau dari syeikh (tariqat) yang selama ini ia mengambil menafa'at daripadanya. Di dalam hal ini, Uztadh Al-Bannã menegaskan sesiapa sahaja yang menginginkan suatu tarbiyyah khusus, maka dia dengan pilihannya. Tetapi adalah menjadi hasrat Ikhwãn untuk mengemukakan sesuatu yang sempuma bagi seluruh Ummat Islam. Oleh itu setiap individu di dalam mana-mana kumpulan hendaklah bekerja ke arah kesempurnaan dan untuk suatu penyatuan yang mendapat keredhaan AIlah Subhanahu Wata'ãlã dan keredaan hati hati kaum Muslimin sehingga mereka dapat dibebaskan dari suasana yang menyelubungi mereka.

Telah menjadi suatu kebiasaan pada golongan Islam melihat apa yang ada pada mereka sebagai suatu yang lengkap, tetapi sebenarnya tidak demikian. Kesemua indivudu individu Muslim yang 'amil (bekerja) dan kumpulan-kum pulan Islam adalah bekerja untuk mempertahankan pintu-pintu Islam ( ). Tetapi tiada seorang pun dari mereka atau suatu kumpulan pun yang mampu mengawal dan mempertahankan semua pintu.

Seorang faqih Muslim mempertahankan satu pintu, seorang mujãhid Muslim mempertahankan suatu pintu yang lain. Adalah tidak wajar untuk kita meminta seseorang untuk meninggalkan pintu jagaannya, malah kita sepatutnya memintanya kekal di tempat penjagaannya, dan melakukan ihsãn[1]. Apabila setiap pintu mempunyai tokoh penjaganya yang kamil, yang yakin bahawa ianya dari golongan HizbuLlãh serta melaksanakan tugasnya bekerjasama dengan pihak-pihak yang lain, maka terarahlah orang Islam keseluruhannya secara spontan kepada suatu arus yang satu.

Telah menjadi kebiasaan kepada sebilangan orang-orang Islam di mana mereka menyangka bila mana mereka berkumpul sepuluh orang, merekalah suatu jamã'ah Islamiyyah dan merasakan bahawa penyelesaian musykilah-musykilah orang Islam di hari ini adalah di tangan mereka. Kita boleh mendapati di dalam satu negeri sahaja sepuluh kumpulan yang kesemuanya tidak mempunyai ikatan di antara satu sama lain, serta tiada satupun yang mampu untuk mempersatukan kesemuanya. tiada satu kumpulan pun dewasa ini dan di masa hadapan yang mampu mengerjakan segala yang diperlukan oleh orang-orang Islam seorang dirinya, kerana-permasalahan yang dihadapi oleh orang-orang Islam di sesebuah negeri tidak mungkin dapat diselesaikan kecuali dengan penglibatan semua yang terlibat. Tanpa penyatuan ini, Ummat Islam tidak akan bertambah sesuatu kecuali kelemahan.

Sesungguhnya usaha-usaha untuk membawa semua orang-orang Islam supaya berakhlaq dengan akhlaq HizbuLlah adalah suatu perkara yang perlu dan merupakan suatu permulaan yang sihat. Tetapi kejayaan yang hakiki tidak akan tercapai kecuali setelah dapat disertai oleh seluruh HizbuLlah di dalam suatu tanzim yang tunggal dalam rangka menyatupadukan semua orang-orang Islam di dalam sesebuah negeri dan di seluruh dunia. Semasa dalam perjalanan ke arah usaha ini, perlulah dihidupkan ruh keikhlasan dan kecintaan dalam mencari suatu corak penyusunan yang sesuai.

Inilah di antara kewajipan yang paling utama bagi orang-orang Islam. Sesungguhnya di atas bahu Ikhwãn Musliminlah terletaknya kewajipan untuk menghidupkan kesedaran, kefahaman dan sifat tidak mementingkan diri sendiri. Untuk menghidupkan api yang pertama memerlukan kepada oksigen dan hidrogen. Demikian juga untuk menggerakkan Ikhwanul Muslimin di jalan yang sempurna ini, perlulah sentiasa mencari jalan-jalan yang boleh mempersatukan kumpulan-kumpulan Islam supaya bangun untuk suatu gerakan sedunia.

[1] Ihsan: melakukan kerja dengan penuh ikhläs hingga merasakan Allah memerhatinya.

PELAJARAN KETIGA

(PERLUNYA MENCARI SUATU CORAK PENYUSUNAN DEMI UNTUK HARAKAH ISLAMIYYAH YANG SATU)

Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kepada orang-orang Islam supaya mereka menjadi seperti tangan yang satu. FirmanNya di dalam Al Qur'an:

"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (ugama) Allah, dan jangan bercerai-berai."

(Surah Ali-Imran: Ayat 103)

"Dan janganlah kamu berbantah-bantahan, yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatan."

(Surah Al-Anfal: Ayat 46)

Orang-orang Islam secara keseluruhannya berkewajipan untuk bekerja bagi melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala ini. Tetapi bagaimanakah dapat kesemua orang orang Islam di dalam sesuatu negeri bersatu sehingga menjadi seperti tangan yang satu, dan bagaimanakah pula seluruh orang-orang Islam di dalam suatu daerah dapat bersatu sehingga menjadi sepertj tangan yang satu; dan bagaimana pula semua orang-orang Islam di dalam sesuatu benua atau di seluruh dunia dapat bersatu menjadi seperti tangan yang satu, menjadi blok yang satu?

Sesungguhnya kita berkewajipan untuk mencari dan memerjksa corak-corak penyusunan ( ) yang dengannya matlamat di atas, dapat dicapai, serta berkewajipan memeriksa dan mencari individu-individu yang dapat bergerak ke arah pencapaian matlamat-matlamat ini. Begitu juga kita berkewajipan menyelidiki halangan halangan yang merintangi usaha-usaha ke arah ini sehingga dapat kita membersihkannya.

Orang-orang Islam tidak akan lemah dengan fadilat Allah untuk mencapai satu tahap yang sempurna di dalam usaha ini. Dan mereka mestilah bersatu buat mengahadapi sesiapa sahaja yang menghalang dan terlaksananya suruhan ini.

Sesungguhnya di antara perkara-perkara yang membantu kita ke arah ini adalah dengan adanya langkah-langkah permulaan penyusunan yang tunggal di kalangan orang-orang Islam. Oleh itu hendaklah ujud kesedaran Islam (   ) yang luas terhadap apa yang semestinya kita kerjakan. Telah pun kita perkatakan dan Insyã'ALlah akan kita perkatakan lagi di dalam kitab ini sesuatu yang dapat membantu kita dalam usaha ke arah pencapaian matlamat matlamat yang disebutkan di sini adalah merupakan satu ijtihad yang boleh diperbahaskan Ianya bukanlah merupakan satu-satunya corak yang tunggal, malah corak yang paling istimewa sekali adalah sesuatu yang dihasilkan melalul perbahasan dan sesuatu yang dilahirkan oleh pengalaman. Apa yang perlu ialah setiap orang-orang Islam menghulurkan tangan masing-masing kepada satu sama lain dan mendapatkan tahap minima dan maksima supaya kesemuanya dapat dipertemukan.

Ingatlah, selagi mana seluruh orang-orang Islam tidak dapat disusun dan selagi mana penyusunan-penyusunan Islam tidak dapat bertemu pada matlamat—matlamat yang tertentu, maka sesungguhnya satu pengabaian yang sangat merbahaya telah berlaku. Untuk itu orang-orang Islam perlu memiliki 'aqal yang menyusun (   )dimana 'aqliyyah ini mampu melahirkan suatu tanzim yang sihat dan yang mampu kelahirkan perubahan-perubahan; semuanya ini mestilah bermula dari sekarang. Tanpa kesemuanya ini, kedudukan orang kafir akan bertambah kukuh dan lebar, betapa ngerinya natijah di masa hadapan : Betapa sukarnya untuk mengelakkan bencana ini dan betapa banyak pula dosanya ……

PELAJARAN KEEMPAT

(HASSAN AL-BANNA RAHIMAHULLAH MELETAKKAN IKHWANNYA PADA SUATU JALAN YANG SAHIH DALAM BERHADAPAN DENGAN MEREKA YANG LAIN)

Dalam catitan Al Ustãdh Hassan AI-Bannã rahimahuLlãh di bawah suatu tajuk kecil (موقف الاخوان المسلمين من غيرهم)— Pendirian Ikhwãn Muslimin Terhadap Orang Lain — beliau telah menyebutkan seperti berikut:

1. *Setiap Al-akh Muslim (anggota Ikhwãn) mestilah mengetahui akan matlamatnya dengan jelas, dan dengan itu menjadikannya sebagai garis penentu yang tunggal di antaranya dan manusia-manusia lain.*
2. *Setiap progrém (manhaj) yang tidak menyokong Islam dan tidak ditegakkan di atas asas-asas ummumnya tidak akan membawa kepada kejayaan.*
3. *Anggota Ikhwan akan memberi sokongan kepada setiap pertubuhan yang dengan usahanya sendiri (pertubuhan tersebut) telah melaksanakan sebahagian dan program-program Ikhwanul Muslimin.*
4. *Ikhwãn Muslimin mestilah mempastikan bahawa setiap sokongan yang diberikan kepada mana mana pertubuhan tidak bertentangan dengan matlamat mereka pada bila-bila masa pun.*
5. *Pertubuhan-pertubuhan yang berfaedah hendaklah didorongkan (dijuruskan) kepada suatu matlamat dengan memperkuatkannya, dan bukan melemahkannya.*
6. *Ikhwan mengalu-ngalukan setiap fikrah yang bertujuan menyatu padukan tenaga orang-orang Islam di seluruh dunia dan memberikan sokongan kepada fikrah 'Pan-Islamism' yang merupakan satu-satunya petanda kebangkitan timur (   )*
7. *Ikhwãn Muslimin bersikap ikhlãs terhadap pertubuhan-pertubuhan Islam, malah berusaha dengan segala jalan untuk memperdekatkan kesemuanya. Dan mereka (Ikhwan Muslimin) yakin bahawa (cinta-mencintai di antara orang-orang Islam merupakan asas yang paling sihat untuk menggerakkan mereka (orang-orang Islam). Dan Ikhwanul Muslimin menentang setiap pertubuhan yang mencacatkan nama Islam seperti Baha'i dan Qadyani.*

Inilah suatu petikan yang pendek tetapi mengandungi prinsip-prinsip agung. Marilah kita memperhatikan di antara kandungannya satu persatu:—

1. (Setiap Al akh Muslim mestilah mengetahui akan matlamatnya dengan jelas, dan dengan itu menjadikannya sebagai garis penentu yang tunggal di antaranya dan manusia-manusia lain)

Kandungan ini menjelaskan bahawa kita berkewajipan melahirkan orang-orang Islam yang dapat membuat pertimbangan (penilaian) terhadap semua perkara dengan nilai Islam, serta dapat pula bertindak melalui pertimbangan ini. Sebarang kegagalan di dalam persoalan ini akan membawa kepada hilangnya kriteria-kriteria kejayaan.

2. (Setiap program yang tidak menyokong Islam dan tidak ditegakkan di atas asas-asas ummumnya tidak akan membawa kepada kejayaan)

Inilah suatu pendirian ummum yang sama sekali tidak dapat kita mengelakkan diri daripadanya. Sesungguhnya setiap sistem yang tidak berasaskan kepada Islam atau yang memusuhi Islam dan tidak mendokong ke arah pencapaiannya adalah suatu sistem yang tidak membawa kepada apa-apa selain kepada kegagalan, meskipun ia diperindahkan atau dipropagandakan dan sebagainya. Nah, ini dia percubaan percubaan sekularism di atas bumi kita yang sentiasa membawa negara-negara kita ke jurang kehancuran ekonomi dan politik serta kelemahan di bidang ketenteraan. Oleh itu, adalah mustahil bagi kita untuk memberikan sanjungan kepada mana-mana sistem selain dari sistem Islam atau membuat tanggapan tentang kemungkinan kejayaannya.

3. (Anggota Ikhwan akan memberi sokongan kepada setiap pertubuhan yang dengan usahanya sendiri (pertubuhan tersebut) telah melaksanakan sebahagian daripada program-program Ikhwanul Muslimin)

4. (Ikhwanul Muslimin mestilah mempastikan bahawa setiap sokongan yang diberikan kepada mana-mana pertubuhan tidak bertentangan dengan matlamat mereka pada bila-bila masa pun)

Inilah dua kandungan yang merupakan sikap kita terhadap setiap pertubuhan yang ada. Di sana terdapat pertubuhan-pertubuhan yang memerangi kita; terhadap pertubuhan-pertubuhan ini, akan kita berikan tentangan yang setimpal dengan pendirian mereka terhadap kita; biarpun ianya dinamakan pertubuhan Islam atau yang bukan Islam. Boleh jadi kita akan memaafkankan mereka. Adapun pertubuhan-pertubuhan yang telah melaksanakan sebahagian daripada matlamat-matlamat kita,dan sekiranya kita berpuas hati yang mereka tidak menentang matlamat kita pada bila-bila masa pun maka kepada mereka kita berikan sokongan dari sudut ini. Misalnya; terdapat beberapa golongan syeikh yang melaksanakan program 'ilmu dan tarbiyyah yang mana mereka ini sebenarnya telah melaksanakan sebahagian daripada matlamat-matlamat kita. Sekiranya kita yakin yang mereka ini tidak menentang cita-cita kita, maka kepada mereka kita berikan sokongan dari sudut tersebut. Tetapi sebaliknya jika mereka menentang matlamat dan cita-cita kita, kita tidak akan memberikan sokongan kita dan

kita tidak akan mengarahkan anggota-anggota kita kepada mereka. Katakanlah pendapat sebegini pada mana-mana pertubuhan yang ada.

5. (Pertubuhan-pertubuhan yang berfaedah hendaklah didorongkan kepada suatu matlamat dengan memperkuatkannya dan bukan dengan melemahkannya)

Inilah prinsip umum yang merupakan sebahagian besar daripada strategi kita; di mana setiap pertubuhan yang bermanfa'at yang telah melaksanakan sebahagian daripada matlamat kita baik di peringkat tempatan atau di peringkat antarabangsa serta tidak pula menentang matlamat kita pada bila-bila masa, maka pertubuhan inilah yang hendaknya kita juruskan kepada matlamatnya dengan cara memperkuatkanya dan bukan melemahkannya. Misalnya Jama'ah Da'wah dan Tabligh telah banyak memberi khidmat kepada Islam dalam peringkat antarabangsa dan tempatan jami'ah yang seumpama ini hendaklah kita menyokongnya dan membantunya dengan menghantarkan sebahagian besar dari anggota-anggota kita ke dalamnya untuk bekerja di dalamnya sebagai individu-individu dan bukan atas nama jamã'ah kita. Hendaklah anggota-anggota ini ber'iltizam dengan jamã'ah itu ketika melakukan kerja dengan segala apa yang dipinta oleh jamaah yang berkenaan.

6. (Ikhwän mengalu-alukan setiap fikrah yang bertujuan untuk menyatupadukan tenaga orang orang Islam di seluruh muka bumi dan memberikan sokongan kepada fikrah 'Pan-Islamism' yang merupakan satu-satunya petanda kebangkitan timur).

Kaedah ini menerangkan suatu asas penting daripada prinsip-prinsip pemikiran kita di mana kita tidak akan menentang sebarang langkah yang boleh membawa kepada pengsebatian serta pendekatan sesama orang Islam. Malah kita sangat-sangat menga1u-alukannya, kecualilah sesuatu yang berbentuk 'masjid dhirar .

7. (Ikhwan Muslimin bersikap ikhIas terhadap setiap pertubuhan IsIam malah berusaha dengan segala jalan untuk memperdekatkan kesemuanya. Dan Ikhwan yakin bahawa saling cinta-mencintai di antara orang-orang Islam merupakan asas yang paling sihat untuk menggerakkan mereka (orang-orang Islam). Ikhwãn menentang setiap pertubuhan yang mencacatkan nama Islam seperti Bahai dan Qadyani)

Kaedah ini adalah diantara asas-asas pembinaan yang terpenting lagi bernilai di dalam strategi umum kita. Kita menentang setiap gerakan yang menentang Islam seperti Bahai dan Qadyaniyyah. Sebaliknya dengan ikhlas kita sentiasa bersama-sama dengan badan badan dan pertubuhan pertubuhan Islam. Oleh itu kesemua badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan Islam tidak dianggap sebagai gerakan yang menentang kita, malah kita mesti berusaha untuk menjadi orang tengah dalam rangka untuk mempertemukan kita dan mereka dengan segala (wasilah) yang mungkin.

Ini membawa kita berdiri di hadapan dengan fikrah 'front — Islam' yang satu, serta membawa kita berhadapan dengan fikrah berbilang partai

dan berbilang pertubuhan di dalam Islam. Kita percaya bahawa ruh kecintaan di kalangan orang-orang Islam merupakan tapak yang paling sesuai untuk membangunkan mereka. Oleh itu kita mencurahkan kecintaan kita kepada semua orang Islam. Dari prinsip ini, kita dapat menyelami pertubuhan-pertubuhan yang banyak bangun dan tegak di dalam sesebuah negara. Pertubuhan pertubuhan ini mungkin merupakan partai-partai[2] Islam, pertubuhan-pertubuhan kebajikan, atau mungkin merupakan kumpulan-kumpulan yang menyertai syeikh-syeikh di bidang 'ilmiyyah atau tarbiyyah atau lain-lain pertubuhan yang terikat dengan ciri-ciri Islam.

Kepada kesemua mereka ini, kita mencurahkan keikhlasan dan kecintaan kita terhadap mereka, dan kita berusaha dengan segala kemampuan yang kita ada untuk memperdekatkan sesama mereka. Inilah jalan kita ke arah melahirkan satu 'front Islam' yang bersatu di dalam setiap negeri, dan kita akan berusaha dengan perantaraannya supaya seluruh ummat Islam mempunyai pendirian yang satu terhadap mana mana isu (persoalan) dengan melupakan kepentingan peribadi, serta hanya berusaha untuk Allah dan kerana Allah semata-mata.

Sekiranya inilah pendirian kita terhadap pertubuhan-pertubuhan Islam, maka inilah juga pendirian kita terhadap setiap individu-individu Muslim; iaitu kita mencurahkan kecintaan yang suci, kerana dengan kecintaan ini akan lahir asas (tapak) untuk membangunkan individu tersebut. Sebenarnya faktur inilah yang merupakan petanda agung di dalam strategi ummum dan khusus kita. Dan dengan ini juga Al-Ustadh Hassan Al-Banna telah meletakkan kita di suatu jalan yang benar di dalam menentukan pendirian kita terhadap orang lain.

[2] Yang dimaksudkan dengan partai di sini ialah mengikut istilah semasa. Walaupun begitu pada prinsipnya orang-orang Islam adalah partai yang satu dan jama'ah yang satu meskipun mereka berbeza di dalam ijtihad.

PELAJARAN KELIMA

(PERLUNYA PEMIKIRAN JAMA'IE — 'AQLIYYAH JAMA'IYYAH— DAN PENGHAPUSAN SIKAP MEMEN TINGKAN DIRI)

Di dalam suatu perjalanan yang panjang di mana seseorang individu itu tidak mengetahui (di manakah sempadan peranannya, dan sampai ke manakah dia akan berjalan sama-sama rombongannya ia mestilah membuangkan segala sifat mengutamakan dirinya, kerana mungkin peranannya hanya pada separuh perjalanan sahaja bilamana orang lain pula akan menyambung peranannya itu. Begitu juga bilamana penyusunan tertegak agung, ianya memerlukan kepada tenaga generasi dan sesungguhnya kemuncak cita-cita individu ada lah penyertaannya di dalam pembinaan generasi ini, dan ini sudah cukup baginya. Tetapi sekiranya ia ingin membina bersendirian sudah pasti ia tidak akan berjaya dan ia tidak berkemampuan untuk berbuat demikian, dan pembinaan itu pun tidak akan sempurna.

Oleh itu maka kita berkata; sekiranya di dalam marhalah yang lalu kerja seseorang dengan pemikiran individu di dalain kerja-kerja Islam dianggap tidak benar (sah) malah tidak dapat disertai dengan pemikiran syura di dalam Jamã'ah Islamiyyah; maka lebih-lebih lagilah di zaman ini di mana kerja ini menuntut suatu usaha yang lebih serta pengabaian terhadapnya adalah sesuatu yang amat merbahaya. Ini memberi erti betapa perlunya kita menekankan bidang-bidang pelajaran (taklim), pendidikan (tarbiyyah), penyusunan (tanzim) pemerhatian dan penilaian. Demikian juga di dalam penilaian terhadap setiap individu secara khusus yang kemudiannya disertai dengan tindakan lanjut yang berterusan untuk menyekat kerja-kerja persendirian atau setiap kecenderungan yang bercorak 'dictatorship' serta semangat dan pemikiran tempatan yang berpisah dari jamã'ah. Persoalan ini adalah suatu yang kritikal, lebih-lebih lagi apabila bangsa kita berkebiasaan bertindak berseorangan, dan memang banyak sekali kita dapati ummat kita bertindak berseorangan. Ini adalah suatu penyakit yang amat merbahaya yang dengannya tidak mungkin akan tertegaknya 'amal jama'ie.

Sebenarnya telah pun kita sebutkan di dalam risalah yang lalu bahawa nas-nas yang jelas menunjukkan kepada kita sesungguhnya di antara penyakit-penyakit yang mengganggui perjalanan 'amal jama'ie ialah sifat bakhil yang amat dituruti, hawa nafsu mengutamakan dan berbangga

dengan pemikiran sendiri. Bilamana seseorang manusla mematuhi hawa nafsunya dan melayan sifat bakhilnya, mengutamakan dunia serta 'ujub dengan pemikirannya, manusia itu tidak mungkin dapat hidup dengan jama'ah. Begitu juga bila mana penyakit ini telah mula menular ke dalam suatu bi'ah (suasana), tak mungkin penghidupan secara berjamaah akan ujud. RasüluLlãh SaLlahlãhu 'alaihi Wasallam membenarkan seseorang itu mengasingkan dirinya bila mana didapati penyakit-penyakit ini merebak di dalam suasana yang ada. Oleh itu di antara persoalan-persoalan yang perlu diperhatikan oleh murabbi ialah pembersihan jiwa-jiwa individu Muslim dan saf Muslimin dari penyakit penyakit ini.

Sifat bakhil, diubati dengan membiasakan din berbelanja, bermurah hati serta mengutamakan orang lain dengan membuat contoh atau teguran sehingga terhapusnya penyakit ini. Usaha ini bukanlah suatu usaha yang mudah, Allah Subhanahu Wata'ãlà telah berfirman di dalam Surah Al-Nisa' 128:

"Memang manusia itu berperangai amat kikir."

Sifat bakhil mengiringi jiwa setiap ketika; bila mana seorang itu hendak bersedekah sifat bakhil akan merintangi jalannya, dan bila mana ia ingin memberi makan kepada orang lain sifat ini akan menghalang usahanya. Sifat ini berada di mana. Setiap jiwa mestilah berusaha untuk mengatasi sifat ini dengan sentiasa mengingati hari akhirat dan apa yang telah dijanjikan oleh Allah Subhãnahu Wata'alã, dan dengan peringatan itu ia akan sentiasa ingatkan balasan dari Allah 'Azzawajalla :

"Dan barang apa sanaja yang kamu nafkakkan Tuhan akan menggantikannya."

(Sürah Al-Saba': Ayat 39)

Hawa nafsu yang dituruti pula diubati dengan membiasakan diri seseorang untuk selalu bercanggahan dan menentang kehendak hawa nafsunya serta menonton jiwanya untuk kembali ke jalan Allah Subhãnahu Wata'ãlã, firman Nya :

"Dan adapun orang yang takut kepada kebesaran Tuhannya dan menahan dirinya dari keinginan hawa nafsunya, maka sesunggguhnya syurgalah tempat tinggal(nya)."

(Surah Al-Näzi'at: Ayat 40)

Ayat ini menunjukkan hubungan di antara sifat takut kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan sifat melawan hawa nafsu; sesiapa yang tidak (takutkan Allah)di dalam hatinya tentunya ia tidak akan berjaya melawan hawa nafsu. Kalau pun ía boleh berjaya, itu pun hanya pada suatu sudut yang tertentu sahaja dan di sudut-sudut lain ia tidak akan berjaya. Untuk itu perlulah dipersuburkan sifat takut ini di 'dalam hati iaitulah dengan mengenali Allah Subhanahu Wata'ala.

"Sesunggguhnya yang takut kepada Allah di antara hamba-hambaNya hanyalah 'ulamã' – orang yang mengetahui kebesaran dan kekuasaan Allah Subhã nahu Wata'ãlã."

(Sũrah Al-Fathir : Ayat 28)

Sesungguhnya mengenal Allah dengan perasaan dan pemikiran sajalah yang dapat menyuburkan perasaan takut kepada Allah 'Azzawajalla kerana cara ini sahajalah yang akan meneruskan pertentengan seseorang itu dengan hawa nafsu nya. Kenalnya ia kepada Allah Subbãnahu Wata'àlã adalah melalui 'ilmunya, iaitu dengan mematuhi nas-nas, membela kebenaran serta menyerahkan dirinya kepada natijah dan pada dalil-dalil yang diperolehi dan 'ilmunya itu.

Manakala penyakit mengutamakan dunia pula diubati dengan mengingati Akhirat serta memperkuatkan tuntutan tuntutan terhadap Akhirat di dalam jiwa melalui pembacaan Al-Quran, menghadiri majlis ugama, usaha-usaha untuk Allah, muhasabah dan zikir-zikir harian. Di samping itu ia hendaklah selalu membayangkan apa yang akan di hadapinya ketika matinya, di 'alam barzakh dan di hari ke bangkitan; hari yang mana ia akan berdiri di hadapan Allah, hari hisab dan hari ia ditemukan dengan syurga dan neraka (kita memohon syurga dari Allah) — semuanya ini adalah sebagai pengenalan terhadap betapa kerdilnya dunia ini dan peri tidak bernilainya dunia yang amat diburu-buru oleh manusia baik kerana pangkat, bangsa, harta, syahwat atau pun kerana kedudukan.

Ada pun penyakit 'ujub dengan pemikiran sendiri diubati dengan melihat kembali ke arah diri , betapa lemahnya, betapa lemahnya ía. Di samping itu ia hendaklah melihat betapa berkatnya pandangan syurã yang matang, saf yang matang dan kepimpinan yang matang; bertolak dari keinsafan ini ia akan terasa betapa lemahnya pemikiran bersendirian. Faktur yang paling panting di dalam usaha pangubatan penyakit ini ialah membiasakan diri dengan syura.)

Telah datang seorang manusia kepada Abu Tha'labah Al Khasyni seraya bertanya: 'Bagaimanakah awak bertindak terhadap ayat ini Tanya Abu Tha'labah: 'Ayat yang mana satu?' Jawabnya 'QauluLlah Ta'ãlã:

"Hai orang-orang yang beriman, jagalah dirimu; tiada lah orang-orang yang sesat itu akan memudharatkan kamu apabila kamu telah mendapat petunjuk."

(Surah Al-Ma'idah: Ayat 105)

Kata Abu Tha'labah: *Sesungguhnya aku telah bertanya orang yang lebih mengetahui iaitu aku bertanya RasuluLlah SaLlah lahu 'alaihi Wasallam yang telah dijawab oleh Baginda dengan sabdanya:*

"Malahan, hendaklah kamu menyuruh dengan ma'ruf dan melarang daripada mungkar sehingga bila kamu melihat bathil yang ditaa'ti, hawa nafsu yang diikuti, dunia yang diutamakan dan 'ujub seorang dengan pendapatnya, maka hendaklah engkau berpegang dengan dengan darimu dan tinggalkanlah orang awam kerana di hadapanmu hari-hari yang panjang di mana orang yang sabar adalah ibarat seorang memegang bara api, pekerja di hari itu menyamai balasan lima puluh orang lalaki yang bekerja seperti kamu. Di tanya RasuluLlah:Apakah balasan limapuluh lelaki di antara kami atau di antara mereka?, maka jawab Baginda : Malahan balasan limapuluh daripada kamu."

(Hadith riwayat Tirmizi dan katanya hadith ini hasan sahih)

Hadith ini menerangkan bahawa bilamana terdapat penyakit-penyakit yang disebutkan di atas tadi, maka tiada ubat untuk seseorang itu selain dari 'uzlah dan sabar; betapa tingginya ganjaran sabar.

Sifat melupakan diri sendiri, berkorban harta benda, jiwa dan tenaga merupakan pendahuluan yang biasa untuk sampai kepada perlaksanaan 'amal jama'ie. Sesungguhnya orang-orang Islam di hari ini amat memerlukan kepada sifat-sifat ini untuk menegakkan 'ama! jama'ie yang mampu untuk mencapai matlamat-matlamatnya. Permulaan untuk kesemuanya ini adalah lahirnya sifat puas hati terhadap 'amal jama'ie serta ujudnya pemikiran yang mampu untuk menyelaraskan kerja-kerja ini. Syarat untuk kesemuanya ini pula ialah menepati beberapa tuntutan dan menjauhi beberapa tuntutan yang lain.

PELAJARAN KEENAM

(PROSES PEMBINAAN)

Tugas yang paling tinggi dan paling agung sekali di dunia ialah tugas-tugas yang diusahakan oleh gerakan Islam kerana ianyá bermatlamatkan pembinaan kembali dunia ini, bermula dan pembinaan individu sehinggalah kepada perlaksanaan sistem 'alam yang sesuai dengan fitrah manusia dengan melewati pembinaan keluarga, masyarakat, ummat bangsa dan institusi. Tugas ini memerlukan kepada mentaliti pembinaan serta kaedah-kaedah yang khusus untuk memproseskan pembinaan itu.

Setiap binaan memerlukan kepada pelan-pelan. Oleh kerana proses pembinaan kita merangkumi seluruh peringkat, maka ianya memerlukan kepada pelan-pelan yang banyak yang meliputi pelan pembinaan peribadi, pelan pembinaan keluarga, pelan pembinaan masyarakat dan institusinya, pelan pembinaan semula dunia Islam dan pelan untuk membentuk semula dunia ini secara keseluruhannya.

Kesemua ini memerlukan kepada progrem-progrem yang mesti diberikan keutamaan tenaga dan suasana, dan ini pula tidak akan dapat dilahirkan kecuali setelah ujudnya suatu mentality pembinaan ( ) dan peribadi-peribadi yang mampu untuk membina. Sesungguhnya titik permulaan yang sihat ( ) untuk segala sesuatu ialah lahirnya (ujudnya) manusia yang mampu untuk sampai kepada metaliti pembinaan ,kerana sebarang pembinaan memerlukan kepada suatu mentaliti yang mampu untuk membuat gambaran (membayangkan di dalam fikiran), selepas itu melahirkan dan seterusnya memperkemaskannya.

Ini menuntut kita supaya semestinya mencari dan memeriksa manusia-manusia yang mampu dan berkelayakan untuk memproses binaan yang kita kehendaki itu. Sekiranya manusia yang kita kehendaki itu tidak ada, maka kita berkewajipan pula untuk menyedia dan melayakkannya.

Sekiranya di dunia ini terdapat institusi-institusi untuk melahirkan berbagai-bagai jurutera, maka kita berkewajipan pula untuk mengadakan institusi-institusi bagi mengeluarkan jurutera-jurutera untuk proses pembináan kita: dan di antara apa yang perlu kita perhatikan pada institusi ini ialah:

1. Melahirkan Muslim daripada akhlaq-akhlaq masyarakatnya dan daripada kemahirannya képada akhlaq-akhlaq hati dan imbasannya.

2. Melatih seorang Muslim yang bertanggungjawab dengan kata-katanya; setiap kata-katanya adalah bernilai dan membina.

3. Mendidik (mentarbiyyah) Muslim itu tadi dengan didikan yang sesuai dengan matlamatnya, serta memberi pengetahuan dengan matlamat yang hendak dicapainya.

4. Membina seorang Muslim sehingga ia mampu mengambil (membuat) keputusan yang bijaksana.

5. Melatihnya supaya tunduk kepada keputusan syurã walaupun bercanggah dengan pendapatnya sendiri.

6. Melatihnya supaya boleh berbncang dengan bijak serta mengajarnya bagaimana membentangkan pendapatnya dan berhujah.

7. Mengajarnya bagaimana mengambil pengajaran daripada kritikan-kritikan dan menukarkannlya menjadi cadangan cadangan yang membina.

8. Menjelaskan kepadanya perbezaan di antara pemikiran yang membina dan pemikiran yang meruntuhkan kerana betapa mudahnya meruntuhkan dan sukarnya membina.

9. Mengajarnya bagaimana untuk memaiukan yang ada dan mengimbuh yang tidak ada, serta memperingatkannya bahawa mudahnya merubuhkan yang sedia ada dan sukarnya membina yang tiada.

10. Melatihnya bagaimana mengambil pengajaran daripada sesuatu yang berada di sekitarnya untuk sampai kepada matlamat pembinaannya.

Sesungguhnya proses pembinaan yang sukar ini mendorong kita agar mencari mereka-mereka yang berkebolehan untuk menggarab proses pembinaan ini supaya dapat kita membawa mereka ke arah usaha ini dengan berdasarkan kepada keadah-keadah yang sihat.

Kegagalan di dalam usaha ini bererti suatu kemunduran, yang pasti akan disusuli dengan kemusnahan.

Sekarang mari kita membentangkan tajuk ini di dalam suatu bentuk yang lain:

Seorang yang mengikuti perjalanan Harakah Islamiyyah dalam masa satu kurun yang lampau akan mendapati bahawa kebanyakan harakah-harakah ini mengalami perubahan dan marhalah percubaan yang penuh kesengsaraan kepada marhalah kemaraan yang drastik dan berhabis-habisan yang seolah-olah tidak ada masa lagi untuk besok. Dan bagi seorang yang memperhatikan ikatan-ikatan dan hubungan hubungan yang terdapat di kalangan ummat Islam dewasa ini, di mana pada keseluruhannya ummat Islam telah memberikan penyerahan diri (walã') kepada kuasa-kuasa kafir, atau pun kepada sesuatu yang tidak dibenarkan oleh syara Sebahagian yang

lain pula mempunyai penyerahan yang berbelah-bahagi; sebahagian untuk kafir dan sebahagian lagi untuk Islam. Ini adalah suatu penyerahan yang merbahaya dan kabur.

Sekarang ini sudah sampailah masanya untuk ummat Islam bekerja ke arah satu amal Islami yang berjaya dan memberhentikan segala kemaraan yang bersifat emosional serta menolak segala tindakan yang tidak berencana demi untuk satu kerja yang lebih rapi; permulaan dan ksudahannya. Juga telah sampai masanya untuk diberhentikan segala penyerahan yang kabur tadi demi untuk suatu penyerahan yang satu dan wajib, iaitu penyerahan kepada Jami'ah muslimah yang menepati segala syarat-syarat jamä'ah. Pertuhuhan yang mempunyai matlamat yang terbatas dan tujuan yang singkat hendaklah dileburkan demi untuk satu Jama'ah Islamiyyah yang tunggal. Dengan ini bolehlah dihapuskan perasaan keseorangan pada mdividu Muslim dan sifat suka mengasingkan diri agar dengan itu pula dapat dipertingkatkan perasaan Muslim itu yang ia adalah sebahagian dari satu ummat yang agung, yang terdapat di mana-mana tempat. Dengan itu terhapuslah usaha pengelompokkan ummat Islam yang palsu dan dengan itu juga seorang Muslim itu akan kembali mempercayai dirinya. sepenuhnya serta mempercayai risalahnya iaitu risalah keadilan dan pembebasan daripada perhambaan terhadap sesama manusia. Kesemuanya ini akan mengambil alih suasana yang sedang dialami oleh ummat Islam pada hari ini, yang mana mereka telah tertipu dengan seruan-seruan musuh-musuh mereka, yang inginkan setiap Muslim terikat kedua belah tangannya menjadi tali barut kepada puak-puak ini atau bagi puak-pauk yang menentang Islam itu sendiri.

Inilah suatu permainan yang kotor yang dilakukan oleh musuh-musuh Islam dengan menyuarakan kepada seorang Muslim: Awas! jangan engkau berjihad untuk Islam kerana Islam bukan haknya untuk memerintah — malah berjihadlah demi untuk komunis atau untuk kapitalis, nasionalis atau sebagainya kerana memang sistem-sistem itu tugasnya memerintah. Sesungguhnya sekarang sudahlah tiba masanya seorang Muslim itu membebaskan dirinya dari permainan dan tipu helah yang kotor ini. Ketahuilah bahawa ia mempunyai tugas untuk menegakkan kalimah dan syariat Allah supaya ia mengambil tempat yang tertinggi di 'alam ini.

Sesungguhnya telah sampai masanya untuk kita ummat Islam untuk bekerja dengan kerja-kerja Islam yang matang yang boleh menghasilkan natijah-natijah yang berfaedah demi untuk suatu Harakah Islamiyah yang mempunyai perencanaan yang rapi dengan mengambil kira segala kemampuan dunia yang berkemungkinan akan menentang kita sepertimana yang telah berlaku ke atas Pemerintahan 'Uthmaniyyah di period akhirnya. Untuk itu kerja-kerja Islam yang matang dan terencana hendaklah menggariskan tugas-tugas untuk dilaksanakan oleh golongan pekerja, petani, pegawai-pegawai, tentera, orang-orang Islam, orang-orang bukan Islam dan seterusnya.

Telah pun kita perbincangkan dalam pengenalan buku kita yang bertajuk (   ) mengenai perubahan menyeluruh yang kedua, yang telah kita bicarakan beberapa matlamat dan bidang (scope) perubahan-perubahan di setiap negeri, dan di seluruh dunia Islam, serta di 'alam sejagat ini keseluruhnya. Dalam rangkaian ini, kita telah membicarakan secara terperinci mengenai beberapa persoalan yang mempunyai hubungan dengan perkara ini. Demikian juga perbicaraan kita mengenai sesuatu yang mempunyai hubungan dengan keperluan-keperluan pokok dalam persoalan ini. Kalaupun di sini kita masih memperkatakan yang itu juga, sebenarnya itu adalah sebahagian daripada apa yang diperlukan oleh para pemimpin dalam suatu perjalanan yang sukar seperti ini. Pemimpin misalnya mestilah melupakan kepentingan diri_sendiri, mampu membuat analisa politik yang benar serta mengambil pendirian yang bijak dalam cara dan kaedah meskipun di dalam keadaan adanya tekanan-tekanan dari luar dan dalam. Perjalanan yang sukar dan panjang ini bermula dan perjalanan individu dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain, dan selepas itu perjalanan suatu negeri dari satu peringkat ke satu peringkat yang lain dengan disusuli pula kemudiannya oleh operasi menegakkan daulah Islamiyyah yang satu. Dari Daulah Islamiyyah yang satu berpindah pula menjadi sebuah negara yang terkuat di dunia yang setelah itu dapat mempergunakan segala kekuatan dan tenaganya di peringkat antarabangsa untuk menyebarkan kalimah Allah supaya dengannya dapat diletakkan kalimah Allah di puncak yang tertinggi di alam ini. Sesungguhnya perjalanan yang sukar ini tidak mungkin dapat disempurnakan tanpa pimpinan–pimpinan yang memiliki pemikiran yang istimewa. Bila mana pemikiran yang seumpama itu sudah lahir, maka perjalanan menempuh rintangan adalah suatu kemungkinan yang dapat diatasi.

Kepimpinan yang seumpama ini semestinya memiliki pengetahuan semasa dan pengetahuan Islam yang paling tinggi, serta memiliki ciri-ciri khusus yang beserta dengan kehalusan bekerja dan mempunyai kebolehan. semulajadi terhadap tuntutan-tuntutan kepimpinannya. Ia mestilah mengetahui apa yang harus dilakukannya pada setiap bahagian dalam ummah ini dan dalam setiap negeri dan negeri negeri Islam serta dapat mengikuti tahap antarabangsa dan tempatan, dan melalui keberkesanan di dalam tindakan untuk mencapai tuntutan-tuntutan strategi ini.

Pimpinan yang bercahaya ialah RUH kepada suatu usaha yang berjaya. Dan kita akan mengulangi perbicaraan bagi tajuk ini, Insya Allah.

PELAJARAN KETUJUH

(DI ANTARA SPONTAN DAN BERPERENCANAAN ...DI ANTARA TEMPATAN DAN 'ALAMIYYAH... DI ANTARA KEPERANJATAN DAN KELANCARAN YANG SETIMPAL)

1. Di antara spontan dan berperencanaan :

Seluruh 'alam di hari ini bergerak di dalam perencanaan. Kuasa-kuasa besar merencana bagi melemahkan Islam dan merancang untuk mencabutnya ke akar umbi. Di masa yang sama juga mereka merencana untuk memperkemaskan kekuasaan serta cengkaman mereka ke atas negeri-negeri Islam; namun demikian orang-orang Islam yang 'iltizam dengan ugamanya masih lagi terbahagi di antara dua aliran:

Aliran Pertama: Aliran ini memandang tidak perlu untuk menggariskan suatu peréncanaan yang menyeluruh ataupun suatu perencanaan negeri dan tempatan kerana mereka menyangka bahawa segala sesuatu yang terdapat di dalam Al Qur'in dan Al-Sunnah itu sudah cukup untuk melakukan sesuatu. Untuk itu, sekiranya kita bergerak mengikut Al-Qur'an dan As-Sunnah di dalam bentuk 'ilmu dan 'amal maka kita tidak perlu lagi bersusah-payah.

Aliran Kedua : Aliran ini berpendapat perlu digariskan perencanaan-perencanaan kerana merasakan usaha ini adalah sebahagian dari jalan tindakan yang mengikut suruhan Allah 'Azzawajalla seperti mana yang ditaklifkan (diwajibkan) kita mengambil cara-cara yang syari'e untuk mencapai matlamat yang syari'e. Dan ini sebenarnya tidak bertentangan dengan Al-Qur'ãn dan As-Sunnah, malahan ia merupakan penggunaan beberapa kaedah ummum yang banyak terdapat d dalam Al-Qur'an dan Al-Sunnah itu sendiri. Allah Subhã nahu Wata'ãlã memperkatakan tentang seorang hamba yang salah di dalam Sürah Al-Kahfi dengan firmanNya:

"Dan Kami telah memberikan kepadanya jalan (untuk mcncapai) segala sesuatu, maka Ia pun menempuh satu jalan."

(Surah Al-Kahft: Ayat 84)

Dan di dalam bacaan (   ) — maka ia telah mengambil satu jalan; ini adalah bermakna pengambilan jalan-jalan yang dengannya boleh tercapai matlamat matlamat. Sekiranya perencanaan ini adalah sesuatu yang dituntut, maka tanpa berfikir panjang lagi sudah pasti setiap perencanaan itu mestilah diolah daripada Al-Qur'an dan As-Sunnah kerana kedua-duanya telah mengajar kita tentang apa yang dikatakan perkara pokok, apa yang dikatakan alternatif (pilihan) dan apa yang dikatakan kemestian serta juga apa yang

dikatakan kelonggaran dan pegangan perinsip ( ). Sebenarnya seorang Muslim itu bergerak dengan berdasarkan kepada semuanya ini.

'Azimah (pegangan prinsip) sahaja tidak dapat memenuhi tuntutan walaupun bagi para sahabat Rasülullãh Sallahlahu 'alaihi Wasallãm sekali pun. Oleh itu Harakah Islamiyyah hendaklah bertolak dengan perencanaan yang disandarkan kepada hukum-hukum Allah yang diambil dari tokoh-tokohnya dan dengan perlaksanaan syura, serta dengan mengambil perhatian supaya perencanaan ini mampu dilaksanakan. Hendaklah diambil kira segala sesuatu yang mesti dititik beratkan; kerana banyak antara manusia tidak dapat membezakan di antara perencanaan yang mampu direncanakan dan suatu angan-angan yang dikhayalkan. Sesungguhnya yang pertama itu adalah kerja lelaki (rijal) dan yang satu lagi kerja kanak-kanak.

Dan begitu banyak manusia yang berpegang erat dengan teori-teori yang statik di dalam strategi dan gerakan, penyusunan dan perlaksanaan, sedangkan di masa yang sama dunia ini sudah pun berubah; akhirnya mereka terpaksa membuat perubahan demi perubahan di atas rancangan penjalanan mereka.

Demikian juga banyaknya di antara manusia yang tidak pandai membuat pindaan kepada apa yang telah mereka gariskan sehingga mereka mengenepikan apa yang elok dan mengantikannya dengan sesuatu yang lebih buruk.

Dan sebahagian yang lain pula tidak mengetahui syarat keperluan maka bekerjalah mereka lantas habis sebahagian dari umur mereka di dalam angan-angan untuk mencapai matlamat; akhirnya tidak ada matlamat yang dicapai.

Manakala sebahagian yang lain pula tidak pandai mempergunakan sudut-sudut positif yang boleh memberi sumbangan kepada mereka dan boleh mengatasi sudut-sudut negatif yang sering merintangi perjalanan mereka, sedangkan bila kedua-duanya ini dapat dipergunakan, harakah mereka dapat dipertingkatkan dan dipermatangkan kepada tiga perempat dari kematangan yang diperlukan.

Sebahagian daripada manusia pula mementingkan supaya beberapa persoalan dibiarkan hanyut begitu sahaja daripada mereka bergerak ke hadapan walaupun dengan langkah permulaan yang kecil tetapi mempunyai natijah yang besar. Mungkin ini adalah suatu kesalahan yang biasa sahaja bagi manusia ummum; tetapi bagi kita golongan Islam yang menghayati harakah ini adalah suatu perkara yang besar dan serius.

Oleh itu kita berkewajipan untuk mengambil kira semua persoalan-persoalan yang banyak ini di dalam zaman perencanaan kita.

Dengan pemikiran ('aqliyyah) dapat diketehui sempadan-sempadan yang dibolehkan ( ) berdasarkan undang-undang Allah yang diturunkanNya kepada kaum Muslimin yang beriman, juga dapat diketahui suruhan-suruhan Allah berhubung dengan ujian-ujian Allah terhadap kaum

Muslimin di dalam lingkungan waqi' (realiti). Dan dengan 'aqliyyah juga dapat diketahui di manakah di dalam ugama ini ada tahap minima dan maksimanya di samping mengetahui adanya rukhsah dan 'azimah (kelonggaran dan prinsip asal). Dengan 'aqliyyah juga kita dapat memiliki keupayaan menggarabkan harakah ini dengan segala keanjalannya (fleksibilitinya) berdasarkan kepada perencanaan dan perjalanan yang dibolehkan oleh Islam. Tanpa kesemuanya ini kita akan menjadi mangasa kepada undang undang perjalanan 'alam.

Allah Subhanahu Wata'ala dengan hikmahNya menurunkan syariatNya untuk memperbereskan lagi (memperelokkan) perjalanan orang-orang Islam mengikut kadar kemampuan masing-masing serta mengikut suasana yang mengelilingi mereka. Pun begitu, banyak sekali kita berhadapan dengan sifat-sifat sombong, takabbur, pendirian yang angkuh yang penuh dengan riak di samping kelemahan yang hakiki sedangkan di sebalik itu tidak ada apa-apa kekuatan pun.

Dan bagi sesiapa yang memerhatikan catitan-cititan Al-Imam Hassan Al-Banna, ia akan bersua dengan satu contoh perjalanan yang waqi'e yang dapat diperhatikan mengenai masa dan tempat; kedua-duanya mengikut Islam. Di dalam perjalanan yang realistik ini ia mengandungi bibit-bibit contoh yang paling terperinci bagi suatu perjalanan umum pada harakah Islamiyyah. Sesiapa sahaja yang cuba membawa orang-orang Islam dengan hanya berlandaskan kepada 'azimah (prinsip asal) ianya akan mengambil suatu perjalanan yang tidak dikehendaki oleh Allah 'Azzawajallah dan Rasülnya Sallahlahu 'alaihi Wasallam. Malah manusia ini sudah melupakan contoh utama dari penghidupan Rasulullāh Sallahlahu 'alaihi Wasallam dan para sahabatnya. Perjalanan manusia ini adalah suatu perjalanan yang nahas. Sabda Rasülullah Sallahlahu 'alaihi Wasallam:

"Sungguhnya sejahat-jahat pemimpin ialah yang membawa kepada kehancuran." (Kehancuran di sini disebut sebagai al hutamah)

Demikian juga kelonggaran (rukhsah) tidak merupakan matlamat di dalam perjalanan Harakah Islamiyyah ini, malah keupayaan dan kemaslahatanlah yang menentukan samada rukhsah atau 'azimah. Dengan memperhitungkan segalanya ini barulah dapat dilahirkan perencanaan dan keputusan:

"Sesungguhnya Allah mengkehendaki agar rukhsah itu diambil tempat seperti mana 'azimah itu dipergunakan."

Sesungguhnya kita orang-orang Islam di dalam harakah ini sewajibnya dapat menyesuaikan di antara semua persoalan ini. Malah kita adalah sebahagian dari ummah yang bergerak mengikut harakahnya. Kita sewajibnya dapat menyesuaikan diantara mengambil sesuatu yang bersifat tempatan yang kita tidak dapat lari daripadanya dan tidak dapat berjalan tanpanya, dan di antara kedudukan Islam yang jauh ketinggalan, serta di antara matlamat -matlamat agungnya; kesemuanya ini memerlukan suatu cara penyesuaian yang jelas.

Untuk itu maka setiap individu Muslim berkewajipan mematangkan gambarannya terhadap bentuk.bentuk kerja,penyusunan, da'wah dan tarbiyyah pada masa yang ia tidak boleh lagi bergantung kepada 'bersengaja' — (tanpa perencanaan) — yang tidak dapat menghasilkan suatu natijah yang sempurna. Seperti mana yang telah kami pertegaskan, negara-negara besar merencana sesuatu untuk dunia ini dan mengumpulkan segala data yang berlaku di atasnya dan seterusnya cuba mengarahkan segala sesuatu berjalan mengikut kehendak mereka. Beribu-ribu institusi bekerja untuk tujuan ini dan seluruh dunia tidak suka melihat Islam mengambil tempatnya di dunia ini. Maka apakah kesemuanya ini dapat dihadapi dengan cara bersengaja (tanpa perencanaan) sebagaimana pemikiran orang kampung atau tok penghulunya.

Sebenarnya penyusunan dan perencanaan yang sempurna mestilah dihadapi dengan sesuatu yang setimpal dengannya. Selain daripada itu pekerja-pekerja (penda'wah) yang bekerja untuk menegakkan Islam secara menyeluruh tidák akan mampu untuk memberi alasan dan keterangan kepada orang-orang Islam yang lain tentang kewajipan mereka menyertai da'wah kecualilah setelah mana kesemua mereka ini matang dan yakin denagn kefahamandan keupayaan mereka malah mereka yang benar terhadap persoalan-persoalan yang lazim untuk perjalanan ini. Di samping itu mereka mesti mempercayai bahawa usaha-usaha mereka tidak akan sempurna tanpa penyertaan orang lain dalam jama'ah mereka. Dan kesemuanya ini menuntut supaya semua penda'wah mengikuti syarat syarat yang diperlukan supaya orang lain dapat mempercayai dan meyakini perencanaan-perencanaan mereka.

2. Di antara yang bersifat tempatan dan 'alamiyyah:

Di antara ke'ajaiban kita semasa menghadapi perencanaan antarabangsa ('alamiyyah), ada orang yang menentang usaha ini dengan sesuatu kerja Islam yang bersifát tempatan, dan antara ke'ajaiban ini — di mana Allah Subhanahu Wata'âlã menyuruh ummat Islam untuk bersatu padu bak tangan yang satu — timbul aliran-aliran yang bersifat ke daerahan yang mengatasi kewajipan-kewajipan agung yang menuntut orang-orang Islam di dunia ini menyokongnya. Untuk itu maka ingin kita berkata bahawa aliran-aliran kedaerahan ini yang lahir kerana beberapa sebab mestilah diusahakan agar ianya hapus dengan hanya mengambil pandangan-pandangan yang sihat sahaja, khususnya faktor –faktor yang memaksa kelahirannya dengan beberapa penyesuaian di dalam perjalanannya sehingga ianya dapat merangkumi tuntutan-tuntutan kedaerahan di sampmg dapat menyesuaikan diri dengan harakah yang ummum. Di samping itu kita mestilah menggariskan panduan-panduan penyusunan yang luas dan anjal (fleksibel) sehingga boleh membawa aliran ini di dalam perjalanan tanpa melahirkan kecacatan. Selain dari itu kita juga mestilah meluaskan kepercayaan mereka terhadap penyusunan antarabangsa ('alamiyyah) melalui mepercayakan individu-individu yang bertanggung jawab dengannya.

3. Di antara keperanjatan dan kelancaran yang setimpal:

Ramai sekali di antara orang-orang Islam yang tidak sedar bahawa mereka mempunyai kewajipan yang mesti mereka tunaikan sendiri untuk diri mereka, suatu kewajipan yang mesti mereka bergerak dengannya untuk mencapai matlamat Islam yang umum. Di antaranya bermula dengan penegakkan syari'at Allah Subhanahu Wata'ãlã sehinggalah kepada membawa perintah Allah ini keseluruh pelusuk alam ini. Inilah diantara yang paling jelas yang disebutkan oleh A1-Ustaz Hassan Al-Bannã, yang berdasarkan kepada perencanaan dan bukan kepada kespontanan, yang berdasarkan kepada sesuatu yang bersifat 'alamiyyah dan bukan yang bersifat tempatan, dan yang berdasarkan kepada kelancaran yang setimpal dan bukannya dengan keperanjatan dan rukhsah. Ini bermula daripada melaksanakan tugas-tugas individu sehinggalah kepada kerja-kerja untuk mencapai matlamat umum.

PELAJARAN KELAPAN

(STRATEGI ANTARABANGSA DAN STRATEGI TEMPATAN)

Harakah Islamiyyah di dalam perjalanannya mestilah mempunyai strateginya yang tersendiri yang menjadi asas kepada perjalanannya, samada yang berbentuk antarabangsa ('alamiyyah) ataupun yang berbentuk tempatan. Sesungguhnya setiap negeri mempunyai ciri-ciri atau keadaannya yang tersendiri yang mencorakkan bentuk strategi yang diambil oleh harakah Islamiyyah di negeri tersebut secara keseluruhannya. Walau bagaimana pun semestinya diselaraskan di antara strategi tempatan yang diambil dengan strategi antarabangsa.

Sebagai contoh; Harakah Islamiyyah di Syria memerlukan srateginya yang tersendiri yang mempunyai beberapa garis pemisah dengan strategi khusus bagi Harakah Islamiyyah di Lebanon, yang mana kedudukannya lebih rumit (complicated) dari Syria. Demikian juga bagi Harakah Islamiyyah di India memerlukan suatu bentuk strategi yang berbeza dengan strategi Harakah Islamiyyah di Pakistan, kerana ummah Islam di sana merupakan golongan minoriti sedangkan di Pakistan ummah Islam adalah majoriti. Harakah Islamiyyah di Turki memerlukan suatu strateginya yang tersendiri yang juga berlainan dengan strategi Harakah Islamiyyah di Maghribi, demikian pula bagi Harakah-harakah Islamiyyah di dunia Islam adalah jauh berbeza dengan strategi Harakah Islamiyyah di Soviet Russia dan China.

Walau bagaimana pun, semua strategi-strategi khusus bagi setiap negeri ini hendaklah dapat menyumbang dan menjayakan strategi umum Harakah Islamiyyah di seluruh dunia, dan hendaklah Harakah Islamiyyah antarabangsa mampu mempergunakan segala sesuatu bagi menjayakan persoalan Islam secara umum.

Sesungguhnya bilamana Harakah Islamiyyah sudah merangkumi segala bidang persoalan di dunia ini, barulah ia dapat memanafa'atkan (mempergunakan) faktor-faktor negatif dan menjadikannya suatu yang positif. Malahan mampu pula untuk mempergunakan segala kecergasan Islam di 'alam ini untuk kemuslihatan strategi Harakah Islamiyyah mahupun yang berbentuk tempatan atau pun antarabangsa. Tidak syak lagi gerakan da'wah di dunia ini memberi khidmat bakti kepada strategi antarabangsa Harakah Islamiyyah kerana ianya meliputi setiap tempat, dan paling kurang gerakan da'wah yang seperti ini telah mengemukakan Islam di dalam bentuk yang sewajarnya. Demikian juga gerakan gerakan da'wah ini telah memberi sumbangan ke arah strategi tempatan Harakah Islamiyyah di sesuatu negeri.

Begitu jugalah dengan halaqat-halaqat Islamiyyah di sesuatu negeri dengan tidak syak lagi memberi khidmat ke arah strategi tempatan Harakah Islamiyyah di negeri itu bilamana Harakah berkenaan bijak mengambil manafa'at darinya. Cuma yang tinggal sekarang, bagaimana kita hendak menentukan garis di antara apa yang dikatakan strategi antarabangsa dan strategi tempatan.

Dikatakan strategi antarabangsa, maka kita mestilah meyakini akan Kesatuan Ummah Islanmiyyah (Wahdatul Islamiyyah) dan meyakini akan Dãulah Islamiyyah 'Alamiyyah yang satu. Atas keyakinan ini, dan sekarang hendaklah kita merangka suatu perencanaan yang didasarkan kepada persoalan itu tadi. Juga hendaklah kita mempelajari setiap persoalan yang boleh menyumbang ke arah pencapaian matlamat-matlamat tersebut. Sudah sampailah masanya bagi kita untuk bekerja membasmikan rintangan-rintangan yang menyekat perjalanan kita untuk sampai ke matlamat ini atau pun yang menjauhkan kita daripadanya. Sewajibnya kita juga mempelajari kesan-kesan dan setiap langkah ke arah persoalan ini; samada positif atau negatif. Kita juga mesti memperhitungkan supaya langkah-langkah ini tidak bertentangan dengan strategi tempatan kita. Seperti yang kita katakan di awal tadi, setiap negeri mempunyai ciri dan suasananya yang tersendiri, maka anak-anak negeri itu bertanggung-jawab mempelajari seluruh suasana khusus di negeri tersebut, dan dengan itu menggariskan perencanaan-perencanaan kerja mereka agar tidak bercanggah dengan perencanaan ummum bagi Harakah Islamiyyah antarabangsa. Juga mestilah diadakan penyusunan dan penyelarasan di antara strategi tempatan dan strategi antarabangsa; sesungguhnya penyusunan di antara strategi tempatan dan strategi antarabangsa; sesungguhnya penyusunan di antara seluruh strategi-strategi khusus adalah sebahagian daripada strategi umum itu sendiri. Kesemuanya ini terletak pada lahirnya seorang tokoh strategi dalam rangka tempatan dan dalam rangka antarabangsa.

Sesungguhnya pencapaian kepada suatu strategi tempatan yang sihat dan strategi antarabangsa yang sempurna memerlukan kepada tokoh-tokoh strategi yang mampu menguasai 'alam persekitaran mereka, dan seterusnya menggariskan perencanaan-perencanaan kerja mengikut tuntutan yang diperlukan. Kemudian perencanaan-perencanaan ini dilaksanakan di dalam bentuk kerja harian untuk sampai ke matlamat yang terakhir. Dan sebagai batu asas bagi kesemuanya ini, ialah tertegaknya Jamã'ah Islamiyyah yang matang di setiap negeri dan daripada keseluruhan jamä'ah-jamaah tempatan itu akan lahir satu Qiyadah (pimpinan) Islamiyyah 'Alamiyyah yang mampu menggarab suasana antarabangsa untuk kerja-kerja Islam serta mampu pula untuk menggerakkan kerja-kerja ini di atas rangka yang sesuai.

Ini bukanlah bererti kita membolehkan kepada mana mana Jama'ah Islamiyyah di dalam mana-mana negeri supaya menantikan ujudnya qiyadah (pimpinanj antarabangsa ini untuk mula bergerak. Malah setiap Jamã'ah Islam yang ada di mana-mana negeri dari sekarang hendaklah mengariskan strategi dan teruslah bergerak. Sekiranya ia sudah pun mampu untuk

mencapai matlamatnya yang pertama di dalam negerinya, bererti dialah yang paling layak menggariskan strategi antarabangsa; betapa bahagianya kalau ia mampu mencapai matlamat antarabangsa. Apa yang perlu bagi kita sekarang, janganlah kita hidup dalam khayalan, atau berdiam diri dengan alasan kekurangan peralatan, malah hendaklah kita bekerja untuk menyempurnakan peralatan serta berkerja untuk mencapai cita-cita Islamiyyah yang murni.

PELAJARAN KESEMBILAN

(MENCARI SUNNAH 'ALAM DAN BERGERAK DENGAN BERLANDASKANNYA)

Sesungguhnya setiap suruhan-suruhan Allah. adalah terikat kuat dengan 'alam sebab musabab dan dengan Sunnah-sunnah Allah di 'alam ini; persoalan ini walau bagaimanapun sering kali diabaikan oleh sebahagian daripada golongan Islam (Islamiyin — Islamists). Allah 'Azzawajalla menjadikan kita terikat dengan 'alam sebab musabab dan kanun-kanunNya. Pun begitu, Allah Subhanahu Wata'ala berkuasa melewati (mengenepikan) kanun-kanun 'alam yang Dia ciptakan seperti yang berlaku di dalam mu'jizat para Nabi dan karamah para Auliya'. Walaupun begitu kita disuruh oleh Allah Subhanahu Wata'ãla untuk memperhatikan sebab musabab kanun-kanun 'alam itu tadi di samping Allah Subhanahu Wataa'ila berkeupayaan memberi kemudahan kepada seseorang muk'min yang tidak diberikanNya kepada orang lain. Allah Subhanahu Wata'ala telah pun menentukan sebahagian daripada sunnah-sunnahNya khusus untuk orang orang beriman sepertimana di dalam firmanNya:

"Berapa untuk terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah."

(Sūrah Al-Baqarah: Ayat 249)

Di dalam perjalanan kita ke arah pencapaian matlamat matlamat kita, kita berkewajipan untuk menyelidiki sunnah sunnah Allah serta sebab-sebab yang membolehkan kita sampai ke matlamat tersebut. Allah Subhānahu Wata'ala dalam mengisahkan tentang Zulqarnain berfirman:

"Dan Kami telah memberikan kepadanya jalan untuk mencapai segala sesuatu, maka dia pun menempuh satu jalan."

(Surah Al-Kahfi : Ayat 84)

Perhatikanlah di dalam kesah ini, Zulqarnain telah menyelidiki dan mengkaji sebab-musabab bagaimana ia dapat mencapai matlamat yang ditujuinya, dan Allah Subhanahu Wata'alã, di antara pemberianNya kepada Zulqarnain ialah sebab-sebab supaya dengannya ia dapat sampai ke matlamatnya. Oleh itu usaha-usaha untuk mencari sunnah-sunnah Ilahiyyah di dalam setiap persoalan dan kemudian bergerak dengan berlandaskannya adalah suatu perkara yang tidak boleh diabaikan sama sekali. Firman Allah Subhanahuwataala

"Sesungguhnya Allah tidak merubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka merobah keadaan yang ada pada mereka sendiri."

(Surah Al-Ra'd: Ayat 11)

Di sana terdapat berbagai jalan untuk mencorak dan membentuk pemikiran umum, dan pembentukan ini pula adalah merupakan sebahagian dari sunnah-sunnah 'alam. Maka sebarang pengabaian terhadap jalan-jalan yang telah disyara'kan ini adalah merupakan satu kecuaian. Kejayaan untuk sampai kepada satu-satu kaedah adalah terikat kuat dengan sunnah-sunnah 'alam yang memang mempunyai jalan-jalannya yang tersendiri. Orang-orang lain telah lama menggunakan jalan ini serta membuat perhitungan yang secukupnya. Malangnya kita cuai dan mengabaikan jalan jalan dan wasilah yang telah disyara'kan kepada kita. Begitu juga dalam usaha untuk membentuk jiwa-jiwa manusia, terdapat kanun-kanunnya sendiri dan kita berkewajiban menyelidiki kanun-kanun itu supaya dapat mencapai kepada pembentukan jiwa Muslim. Sekali lagi pengabaian kita terhadap persoalan ini adalah suatu kecuaian yang jelas.

Pertembungan di antara ummat manusia ada kanunnya, peperangan ada kanunnya, penguasaan ke atas sesuatu pun ada kanunnya; semuanya ini meminta supaya kita menyelidiki kanun-kanun itu supaya dapat mencapai kepada pem bentukan jiwa Muslim. Sekali lagi pengabaian kita terhadap persoalan ini adalah suatu kecuaian yang jelas.

Pertembungan di antara ummat manusia ada kanunnya, peperangan ada kanunnya, penguasaan ke atas sesuatu pun ada kanunnya; semuanya ini meminta supaya kita menyelidiki dan mencari serta mengikut jalan-jalan yang memang telah ditentukan. Kita ingin mencapai beberapa matlamat tempatan dan antarabangsa yang sukar-sukar tetapi kita melupakan sebab-sebab yang membolehkan kita sampai ke matlamat tersebut. Ini adalah suatu kecuaian yang amat sangat walaupun ianya tidak merupakan suatu dosa yang besar. Di antara suruhan fardhu kifayah di dalam Islam ialah melahirkan mereka yang ikhtisas (professional) di dalam semua bidang yang diperlukan óleh ummat Islam yang mana di antaranya ialah 'ilmu siasah (politik) ekonomi dan sebagainya. Sesungguhnya 'ilmu — 'ilmu itu adalah wajib bagi kita, tetapi kita mengabaikannya serta mengabaikan kerja-kerja ke arah pencapaiannya.

Sesungguhnya di zaman silam, orang-orang Islãmlah orang yang pertama memperolehi 'ilmu-'ilmu mengenai kanun kemasyarakatan dan pembangunan. Apakah tidak merupakan suatu kecuaian bagi kita bilamana kita tidak berusaha untuk memiliki kaedah-kaedah yang komprehensif mengenai perkara-perkara di sekeliling kita yang didasarkan kepada Sunnah Allah dan sebab musabab 'alam ini? Apakah tidak wajar bagi kita untuk merencana sesuatu strategi dan perencanaan untuk sampai kepada matlamat-matlamat kita didasarkan kepada sunnah-sunnah itu tadi? Seandainya kita masih mahu bergerak dengan cara perjalanan yang sama juga, maka kita tidak akan bergerak ke mana-mana melainkan dari keadaan yang lemah ke

suatu keadaan yang lemah juga. Imam Hassan Al-Bannã Rahimahullah telah menyebutkan:

(Wahai Ikhwãnul Muslimin, kekangilah semangatmu yang membara itu dengan 'aqal fikiran kamu yang waras ,suluhilah 'aqal fikiran kamu yang waras itu dengan semangat kamu yang membara; dampingilah khayalan_kamu dengan kebenaran hakiki dan realiti, dan bukakanlah pintu kebenaran itu dengan silauan khayalan kamu yang menawan. Janganlah kamu melincung jauh, kelak kamu akan tergantung di awang-awangan. Janganlah kamu mencanggahi kanun-kanun 'alam' kerana ianya sentiasa mengatasi kamu; sebaliknya hendaklah kamu mengatasinya, mengalirkan arusnya dan cuba mempergunakan sebahagian daripadanya untuk mengatasi sebahagian yang lain. Sesudah itu tunggulah sa'at-sa'at kemenangan, detik kemenangan itu darimu adalah hampir sekali.)

Sesungguhnya usaha-usaha memperolehi kanun-kanun 'alam dan Sunnatullah di dalam setiap persoalan yang dihadapi adalah di antara ciri-ciri penting bagi kepimpinan yang waras (qiyadah al rasyidah). Perhatikanlah contoh-contoh yang ditunjukkan oleh para sahabat Rasülullãh Sallahlãhu 'alaihi Wasallam; merekalah golongan yang paling banyak bertawakkal tetapi mereka jugalah manusia yang paling banyak berjaga dan hazar (berhati-hati) serta jauh dan sebarang kecuaian di dalam mana-mana keadaan sekali pun. Siapa yang mengkaji sirah mereka akan mengetahui bahawa mereka ini tidak mencuaikan sesuatu pun dan tugas mereka, malahan mereka memberikan perhatian yang sewajarnya kepada mana-mana keadaan dan permasalahan dengan mem pelajari dan menghadapinya dengan tindakan yang setimpal dengan kemampuan mereka.

PELAJARAN KESEPULUH

(USUL UMUM DAN BEBERAPA KAEDAH PENGECUALIAN SERTA PERGERAKAN HARIAN)

Terdapat ramai pekerja-pekerja Islam (mereka yang bekerja untuk Islam) yang bergerak seolah-olah keseluruhan Syari'ah itu adalah 'Azimah (ketetapan) dan tiada Rukhsah (kelonggaran), manakala sebahagian yang lain pula bergerak dengan rukhsah pada tempat-tempat yang seharusnya tiada rukhsah, serta tidak sedikit pula yang tidak memerhatikan beberapa persoalan pengecualian atau rukhsah yang mesti digunakan dalam kerja-kerja mereka. Kesemuanya ini boleh meninggalkan kesan kepada pemikiran dan perencanaan di dalam Harakah Islamiyyah. Oleh itu kita (pengarang) memasukkan pembicaraan tajuk ini di dalam risalah ini kerana ikatannya dengan tajuk **Perencanaan dan Perjalanan**

Bagi kita, di dalam Syari'ah Islamiyyah ini ada hukum- hukum asal dan ada hukum-hukum pengecualian **( )**. Daging babi pada hukum asalnya adalah haram tetapi ianya boleh dimakan di dalam suasana terpaksa dan darurat, demikian juga minum arak yang pada hukum asalnya adalah haram tetapi di dalam keadaan terpaksa ianya diharuskan. Begitu juga hubungan kita dengan orang-orang kafir, di sana ada apa yang dikatakan hukum asal dan di sampingnya pula terdapat beberapa kaedah pengecualian. Demikian jugalah dengan persoalan persoalan lain yang masing-masing mempunyai hukum hukum asal serta hukum-hukum pengecualian. Setelah kejatuhan Dunia Islam di bawah kekuasaan orang-orang kafir timbul dua aliran ummah. Aliran pertama berpegang kemas dengan hukum asal di dalam pendirian mereka terhadap orang kafir, manakala aliran yang keduà melihat bahawasanya di dalam Islam terdapat beberapa keadah-keadah pengecualian lantaran itu mereka ber'amal dengannya. Kita dapati di dalam kedua-dua aliran ini, terdapat mereka yang keterlaluan dan mereka yang sederhana; kedua-duanya pula masih berjalan dengan penuh kekuasaan. Di dalam hal ini, orang orang Islam telah terbahagi kepada dua kelompok, satu kelompok melihat permasalahan ini melalui hukum asal manakala suatu kelompok lagi melihatnya melalui beberapa kaedah pengecualian, misalnya kaedah-kaedah:

1. Dipilih kejahatan yang paling kurang merbahaya.
2. Darurat menghalalkan larangan
3. Kemudaratan yang besar dihapuskan dengan kemudaratan yang kecil.

4. Keperluan diletakkan sama dengan darurat yang umum mahupun yang khusus.

Islam merupakan kumpulan hukum-hukum asal dan hukum-hukum pengecualian. Apabila seseorang itu dihadapkan dengan sesuatu dugaan dan keadaannya pula membolehkan ia mengambil kelonggaran hukum-hukum pengecualian lantas ia mengambil jalan itu, maka ia tidak dianggap terkeluar dari Islam atau melanggar perintah-perintahnya. Malahan jalan itu sudah menjadi kewajiban kepadanya. Di ant.ara contoh-contohnya ialah:

1. Allah Subhãnahu Wata'ãla mengharamkan kita membantu orang-orang zalim mengerjakan kezaliman; tetapi sekiranya kezaliman itu pasti akan menimpa dan di samping itu kita mampu mengurangkan bencana kezaliman tadi, apakah harus kita bertindak ke arah itu atau tidak?

Para Fuqaha' mengatakan harus dilakukan, bahkan ianya akan diberikan ganjaran kerana itu. Sebagai contohnya mereka menyebutkan begini : Sekiranya seorang manusia kerjanya mengutip cukai dengan cara yang zalim dan membahagi-bahagikannya kepada mereka yang berkenaan dengan 'adil dan saksama, sedangkan sekiranya cukai itu dibahagi bahagikan oleh orang lain maka akan berlaku kezaliman; para Fuqaha' berpendapat orang yang seperti ini, iaitu mengutip cukai dengan cara yang zalim dan membahagi bahagikannya dengan 'adil dan saksama, adalah seperti orang yang berjihad fi sabilillah. Cubalah saudara perhatikan kitab Ghayãtul-Muntaha di dalam Fiqih Hambali di dalam bahagian ( ) dari Ibnu Mani':

"Dan barangsiapa yang bertugas mengutip dan mengumpulnya semata-mata bagi menolong pengutipannya serta berusaha untuk matlamat ke'adilan dan saksama, bukan untuk pengutipnya, maka ía akan mendapat ganjaran serta bukanlah ía dari golongan pembantu kezaliman."

2. Berkata Al-Qaduri:

"Barang siapa yang dipaksa memakan bangkai atau minum arak kalau tidak tanya akan dikurung atau dipukul atau dirantai, maka tidak halal baginya memakan atau meminumnya. Tetapi kalau ía dipaksa, dimana paksaan itu mengancam nyawanya atau sebahagian daripada anggotanya dan ía berada di dalam keadaan benar-benar terancam, maka ía dibolehkan berbuat apa yang dipaksakan ke atasnya itu serta menyembunyikan keimanannya. Sekiranya ía melakukannya sedangkan hatinya masih tetap kemas dengan iman, maka ía tidak berdosa sedikit pun. Andainya ía bersabar sehingga ianya dibunuh serta tidak menzahirkan kekufuran maka ia beroleh ganjaran yang besar".

3. Ibn Katsir (seorang Mufassir) telah menyebut mengenai Firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah ayat 173:

"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan bagi kamu bangkai, darah dan daging babi dan binatang yang (ketika disembeljh) disebut selain (nama) Allah.Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa memakannya sedangkan ía tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

Bahawa Waki' telah menceritakan dari Al-'Amasy dari Abi Dhuha dari Masyruk yang berkata : Sesiapa yang telah dipaksa maka ia tiada memakan atau meminum, kemudian ia mati maka ia dimasukkan ke dalam neraka. Di sini kemestian memakan bangkai bagi orang yang dipaksa adalah merupakan 'Azimah dan bukan lagi Rukhsah (kelonggaran).

Abu Hassan Al-Tabari yang terkenal dengan Al-Kiya' ul Hirãsy ( ), seorang teman karib Imam Al-Ghazzali telah mengatakan : Hukum pengecuálian adalah hukum-hukum Syara', perlaksanaannya adalah merupakan perlaksanaan 'Azimah. (Dan inilah pendapat yang shahih di sisi kita, sebagaimana berbuka puasa dibolehkan bagi orang sakit dan sebagainya). Bagi kita orang Islam di dalam perjalanan kita sebagai individu mahupun di dalam Jema'ah, mestilah kita memerhatikan prinsip-prinsip umum dan persoalan-persoalan pengecualian serta hukum-hukum keduanya ini. Kita berkewajipan mengambil perhatian terhadap rukhsah dan 'azimah agar:

a. Kita tidak mengambil sesuatu pendirian yang tidak diharuskan oleh Syara'.

b. Kita tidak melupai mana-mana pendirian di antara pendirian-pendirian asal yang mesti kita ambil.

c. Kita senantiasa ber'iltizam dengan syurã dan ahli-ahlinya.

PELAJARAN KE SEBELAS

(JALAN-JALAN (WASILAH))

Telah pun kita perkatakan di dalam risalah kita, (Ufuk Risalah Ta'lim) mengenai matlamat-matlamat dan beberapa jalan ke arah mencapai matlamat matlamat-matlamat tersebut. Oleh kerana tabi'at kitab ini di dalam memperkatakan tajuk-tajuknya maka tidak dapat tidak, kita mesti memperkatakan jalan tersebut. Oleh itu maka kita akan memperkatakan secara ringkas seperti berikut:

Sebenarnya persoalan jalan-jalan samalah dengan persoalan matlamat-matlamat betapa rumit dan sukar sekali hendak kita memperkatakan secara menyeluruh. Tiada satu pun persoalan di dalam Islam yang mesti kita capai kecuali di sana ada jalan-jalan Islamiyyah. Mithalnya mentazkiahkan jiwa adalah matlamat, dan untuk itu ada pula jalannya, taqwa adalah matlamat, ianya mempunyai jalannya yang tersendiri, bersyukur adalah matlamat dengan jalannya yang tersendiri, menegakan kalimatullah adalah matlamat dan ia mempunyai jalannya yang tersendiri pula. Di sana ada matlamat yang bersifat peringkat-peringkat, ianya mempunyai jalanya yang tersendiri pula. Dalam perekonomian Islam ada beberapa matlamat dan untuk mencapainya pula ada jalan-jalannya. Demikian pula persoalan yang begitu luas yang tidak dapat kita perkatakan kesemuanya. Sesungguhnya menyebarkan Da'wah Islamiyyah adalah satu matlamat yang mempunyai jalan-jalannya manakala mereka yang sudah pun menyahut seruan Allah ini matlamat-matlamatnya pula ialah mendidik dan mengajar mereka dan inipun tidak kurang daripada jalan-jalannya. Peningkatan dan perpindahan dan satu peringkat ke satu peringkat yang lain dalam mencapai matlamat ini pun mempunyai jalan-jalannya. Demikian pula usaha membawa mereka ke dalam satu saff adalah satu matlamat. Di sampingnya terdapat jalan-jalan.

Setiap matlamat memerlukan kepada jalan-jalan yang sepadan dan munasabah, dan kita memperkatakan persoalan sepadan dan ini adalah satu tajuk yang mempunyai erti-ertinya yang besar. Sekiranya penyusunan (al-tanzim) adalah salah satu daripada matlamat-matlamat kerana dengannya boleh mencapai matlamat-matlamat yang lain, maka penyusunan ini hendaklah sepadan untuk beberapa matlamat dan sesuai untuk satu perancangan dan keadaan (situasi) yang kita hadapi. Sekiranya di antara matlamat penyusunan ialah supaya sampai kepada penegakan hukum-hukum Islam maka apakah pula jalan-jalan yang sepadan dan menasabah untuk tujuan ini. Demikian bolehlah saudara kiaskan dengan persoalan-persoalan yang lain.

Apakah jalan-jalan di dalam bentuk umum? dan apakah jalan-jalannya untuk mencapai setiap matlamat secara berasingan?

Tidak syak lagi, apa yang kita sebutkan ini tidak sama dengan suatu yang lain, kemungkinan kita mempunyai beberapa jalan dan yang boleh kita gunakan seratus wasilah, namun demikian pada beberapa negeri, atau beberapa suasana yang mungkin kita ketepikan beberapa jalan baru yang lain kerana suasana baru memaksa kita berbuat demikian.

Imam Hassan Al-Banna menyebutkan bahawa sebagai Ikhwan Muslimin, kita mempunyai wasilah-wasilah umum dan wasilah sampingan di samping memiliki wasilah bersama dengan kelompok lain. Wasilah kita adalah sebagai suatu gerakan tajdid manakala wasilah sampingan pula ada yang berbentuk negatif dan positif.

Ada di antaranya yang menepati kebiasaan manusia manakala sebahagian yang lain pula, keluar daripada kebiasaan ini, malah bercanggah dan berlawanan pula. Sebahagian wasilah ini ada yang lembut dan ada yang keras. Di antara wasilah (jalan) yang sama dengan kelompok lain ialah ceramah, perbincangan, berutus surat, menyampaikan pelajaran, atau kuliah-kuliah. Selain daripada itu seperti menyelidiki penyakit (kelemahan) dan memberi rawatan ke atas penyakit tersebut. Membina dan memakmurkan masjid, membuka sekolah-sekolah dan khutub khanah serta mengawasinya, menubuhkan kelab-kelab, persatuan-persatuan yang disertai dengan bimbingan dan jagaan. Ianya termasuk merayakan hari-hari yang bersejarah dalam Islam sesuai dengan kemuliaan dan kebesarannya, memperdamaikan (islahkan) di antara manusia, memperingati golongan kaya yang lalai dengan kewajipan mereka terhadap golongan miskin yang memerlukan pertolongan, menyusun serta mengumpul derma-derma dan khairat untuk dibahagikan pada musim-musim perayaan. Manakala wasilah umum kita ialah keimanan yang mendalam, pembentukan yang rapi dan kerja yang berterusan.

Manakala wasilah kita sebagai jama'ah tajdid ialah fikrah dan 'aqidah yang kita akan tanamkan di dalam jiwa manusia supaya dengannya terdidik pemikiran umum, beriman dengannya seluruh hati dan berpadu di sekelilingnya seluruh jiwa.

Demikianlah prinsip-prinsip kerja Islam dan kerja dalam semua aspek hidup. Ringkasnya bolehlah dirumuskan dalam dua ungkapan (iman dan 'amal), (mahabbah dan persaudaraan) sedangkan wasilah kita untuk memperkenalkan Islam, menyeru kepadanya serta pembentukan ialah, dengan mengadakan program halakat-halakat umum, halakat khusus, usrah usrah, kata'ib tarbiyyah Islamiyyah yang sempurna dan kelompok da'wah kepada Allah. Persoalan halakat pada asalnya mengikut apa yang disebut oleh Ustadh Hassan Al-Banna ialah di bawah tugas-tugas Al-Akh Al-Amir; dan menghadiri' Majlis-majlis mingguan Al-Qur'an serta halakat.

Manakala persoalan asal kelompok da'wah mengikut kata-kata Imam Hassan Al-Banna juga disebut di antara tugas tugas Al-Akh Al-Amir:" Dan menyertai kelompok rehlah (berkelah) selagi mana usianya

membenarkannya. Manakala persoalan usrah pula sudah terkenal sekali seperti yang ditugaskan oleh Hassan Al-Banna di dalam "Risalah Khusus Mengenainya". Sedangkan persoalan Katibah pula telah dijelaskan oleh Al-Ustadh dengan katanya: "Dan pada masa ini seluruh kamu golongan Ikhwan terbentuk menjadi 300 Katibah". Persolan-persoalan ini telah banyak diperkatakan manakala wasilah yang digunakan untuk bekerja, "Memberi kuliah, ceramah, penulisan, mengeluarkan akhbar, majalah, pelajaran umum dan khusus, usrah, katibah, usaha amar ma'ruf nahi mungkar, kelompok da'wah al-Jihad dan jenis-jenisnya, mengajar dan penyusunan, nasihat tarbiyyah di sekolah-sekolah dan di Institusi pengajian, mengutus surat kepada pemerintah serta memberi nasihat kepada mereka". Kesemuanya ini ialah wasilah yang telah dicatatkan oleh Ustadh Hassan Al-Banna atau yang digunakannya untuk setempat. Dan di antara wasilah kita ialah mengujudkan saling persefahaman dengan badan-badan Islam yang lain. Dan ini boleh menyampaikan kita kepada satu 'front' Islam yang mempunyai "Kesatuan fikrah".

Sepanjang perjalanan sejarah, ummat Islam telah mempergunakan wasilah-wasilah yang begitu banyak untuk mencapai beberapa matlamat di mana wasilah-wasilah ini sesuai dengan Islam, manakala sebahagian yang lain pula tidak. Dan di antaranya pula yang dipaksa oleh keadaan darurat manakala sebahagian yang lain pula hasil cetusan Harakah (gerakan) yang sihat. Dan alangkah tepat dan munasabah sekiranya wujud kajian-kajian yang menyeluruh terhadap sejumlah wasilah-wasilah yang telah digunakan oleh orang-orang Islam sepanjang tempoh gerakan mereka.

Di sini timbul satu persoalan yang memerlukan kepada jawapan iaitu adalah matlamat menghalakan jalan atau cara ( ), dan dalam persoalan ini manusia telah diselubungi oleh satu kefahaman yang salah:

Golongan yang berakhlaq halus berpegang bahawa matlamat itu tidak menghalalkan jalan (cara), selain daripada mereka ini, matlamat itu menghalalkan jalan dan ini adalah salah kerana bukan semua wasilah baik untuk menuju matlamat dan bukan semua matlamat baik pada asalnya. Di dalam da'wah kita, matlamat Islamiyyah memerlukan kepada wasilahnya yang Islam juga, dan hendaklah matlamat itu benar dan wasilah juga benar. Sekiranya ini jelas maka di sana terdapat suasana di dalam Islam di mana matlamat menghalalkan cara mithalnya berdusta dalam Islam suatu yang keji tetapi bila terbukti bahawa berdusta ini boleh mengelakkan kita daripada kezaliman atau boleh membela orang yang dizalimi, maka di dalam Islam suasana berdusta ini merupakan suatu yang wajib, namun demikian, fatwalah yang menentukan sesuatu yang boleh dan sesuatu yang tidak boleh samada di dalam persoalan matlamat ataupun wasilah.

Kita memperkatakan ini untuk menerangkan betapa salahnya kita ini bila dikuasai oleh istilah-istilah atau terminologi asing atau kita dibelengu oleh konsep-konsep mereka. Kita mesti ingat kita orang-orang Islam Matlamat kita bersifat Islam, dan wasilah kita juga bersifat Islam. Di mana

sahaja Islam membenarkan kita bergerak Maka bergeraklah kita meskipun gerakan kita ini tidak disenangi pada pandangan golongan lain. Dan di mana sahaja Islam melarang kita supaya jangan melakukan sesuatu maka kita akan tinggalkan walaupun kerja itu boleh memperdekatkan mereka dengan kita.

PELAJARAN KEDUABELAS

(SYURA)

'Umar Radiyallahu 'anhu berkata:

"Orang ramai adalah pengikut kepada orang yang menegakkan urusan (syura) ini selama mereka bersepakat dan menyetujuinya, mereka wajib mengikuti keputusannya. Ini adalah kerana mereka pengikut. Bagi sesiapa (ahli syura) yang terlibat dengan urusan (syura) ini maka mereka hendaklah menurut dan mengikuti pendapat orang yang terbaik pandangannya di kalangan mereka dan mereka rela serta memperakukan kepintarannya dalam helah (taktik) peperangan. Ketika itu mereka (ahli syura) adalah pengikut orang tersebut. Wahai saudara-saudara sekalian, aku adalah seperti orang lain dari kalangan kamu. Aku tetap dengan keputusanku untuk keluar berperang sehingga keputusan dan pandanganku dihujah (dengan pandangan yang lebih baik) oleh ahlur-ra'yi (orang yang bijaksana) dari kalangan kamu."

(Ditakhrijkan oleh Ibn Jarir dengan dua sanad yang kuat yang satu daripadanya ialah 'Umar Ibn 'Abdul 'Aziz)

Syura di dalam Hizbullah adalah suatu pertanda semula jadi dan suatu sifat yang wajib, di mana tanpanya kumpulan Islam akan kehilangan keasliannya sebagaimana hilangnya salat. Firman Allah Subhanahu Wata'ala.

Maksudnya:

"Maka sesuatu yang diberikan kepadamu, itu adalah keni'matan hidup di dunia; dan yang ada pada sisi Allah lebih baik dan lebih kekal bagi orang-orang yang beriman, dan hanya kepada Tuhan mereka, mereka bertawakkal, dan orang-orang yang menjauhi dosa-dosa besar dan perbuatan-perbuatan keji, dan apabila mereka marah, mereka memberi ma'af. Dan orang-orang yang menerima (mematuhi) seruan Tuhannya dan mendirikan salat sedang urusan mereka (diputuskan) dengan musyawarah antara mereka; dan mereka menafkahkan sebahagian dari rezeki yang kami berikàn kepada mereka. Dan orang-orang yang apabila mereka diperlakukan dengan zalim mereka membela diri. Dan balasan suatu kejahatan adalah kejahatan yang serupa, maka barang siapa mema'af kan dan berbuat baik maka pahalanya atas Allah. Sesungguhnya Dia tidak menyukai orang-orang yang zalim."

(Surah Asy Syura: Ayat 36-40)

Syura seperti yang dijelaskan di dalam ayat di atas ialah suatu sifat keperibadian orang-orang mu'min yang semula jadi dan tidak mungkin ada suatu nas yang lain yang lebih tepat menyeru kepada Syura seperti nas di atas ini adalah kerana ayat ini memperingatkan bahawasanya tugas orang-orang mu'min ialah bermusyawarah sesama orang mu'min, setiap persoalan menyentuh tentang orang mu'min secara menyeluruh, maka penyelesaiannya

adalah bermusyawarah sesama mereka. Oleh itu maka tidak ada nas yang mengarah terhadap tuntutan Syura yang lebih jelas daripada nas ini. Oleh itu para sahabat Rasulullah Sallalahu 'alaihi Wasallam, manusia yang paling banyak sekali mempergunakan Syura sehinggakan Sayyidina 'Umar radiyallahu'anhu begitu bersungguh-sungguh dan berlebihan menggunakan Syura sehingga beliau pernah bermusyawarah dengan perempuan dan dalam tabir mereka, dan bermusyawarah dengan para belia bagi mendapatkan buah fikiran mereka yang tajam. Inilah bagaimana sopannya golongan pemerintah yang mempergunakan mesyuarat ini secara berlebihan. Sekiranya berlebihan dalam musyawarah, itu merupakan satu kesopanan maka di sana ada suatu tradisi yang telah dipergunakan oleh Sayyidina 'Umar. Tradisi ini ialah menjadikan Syura itu kepunyaan dan hak orang yang berkeahlian dengannya. Jelaskan perkara ini daripada dua contoh berikut:

1. Ahli majlis Saidina 'Umar ialah golongan Qura' (para 'ulama') yang tua dan muda.

2. Di hari Sayyidma 'Umar membuat lawatan ke Syam, beliau telah mendengar mengenai penyakit taun di sana, oleh itu beliau telah bermusyawarah dengan golongan terpilih para Ansar dan mereka berbelah bahagi. Setelah itu beliau bermusyawarah dengan kaum terpilih Muhajirin pula, mereka juga berbelah bahagi. Setelah itu beliau mengumpul golongan tertua di kalangan mereka yang mereka. Mereka dengan sebulat suara berpendapat supaya pulang ke Madinah, dengan itu mereka pun pulang.

Suatu ketika Sayyidma 'Umar telah meminta dari seorang Badwi yang telah membangkangnya sedangkan persoalan itu sudah diterima bulat oleh orang lain dengan katanya "Duduk, kamu ini daripada orang-orang 'Arab Badwi," sebagai menjelaskan bahawa Syura ini diberikan kepada orang-orang yang berkeahlian sahaja, yang memiliki sifat-sifat khusus.

Dari semua ini, dapatlah kita fahami bahwa Syura itu ialah suatu keistimewaan yang hanya diberikan kepada sesiapa yang dapat menyempurnakan diri mereka dengan sifat-sifat khusus keahlian Syura. Oleh itu pendapat majoriti yang mempunyai sifat-sifat keahlian Syura yang tersempurna (mengikut ijtihad kita) adalah wajib.

Sabda Rasulullah Salllallahu 'alaihi Wasallam:

Maksudnya: *"Hendaklah kamu bersama-sama dengan golongan terbesar."*

Rasulullah mentafsirkan erti "Al-A'zam" daripada ayat;

"Dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu dan apàbila engkau telah berazam maka bertawakallah pada Allah."

Sila rujuk tafsir Ibn Kathir.

(Surah Ali- 'Imran : Ayat : 159)

Rasulullah mengikut pendapat majoriti pada hari peperangan Uhud Setelah Sayyidina 'Umar ditikam beliau memilih ahli Syura dari kalangan

yang diredhai oleh Rasulullah sehinggalah beliau wafat. Bagi memberi jalan kepada golongan majoriti membuat keputusan atau hukum, dan seterusnya Sayyidina 'Umar menyuruh supaya dibunuh sesiapa yang menentang mereka dan berkeras hati dengan sifat penentangan mereka. Dari apa yang diterangkan, kita dapati bahawa Syura itu ialah suatu kemestian, manakala pendapat majoriti pula ialah suatu yang mesti diterima oleh minoriti samada di dalam operasi pemilihan Amir, atau di dalam persoalan yang diminta pendapat oleh Amir. Ini ialah selepas Syura itu diberikan keistimewaannya kepada mereka yang berkeahlian.

Dan inilah tradisi yang telah digunakan oleh pergerakan kita sejak ianya ditubuhkan. Ini adalah dengan memberi hak bermusyawarah kepada orang-orang yang berkeahlian sahaja. Dan majoriti itu ialah keputusan kepada mana-mana persoalan yang tidak mempunyai nas. Dan peraturan asas ini telah pun digariskan di Mesir dalam tahun 1948 pada akhir hayat Al-Ustadh Al-Banna sebagai bukti kepada apa yang kita perkatakan.

Jadi apa yang kita dapat fahami ialah seseorang yang telah dipilih sebagai Amir tidak boleh melanggar pendapat majoriti. Ini adalah persoalan badihiyat dalam struktur jama'ah dan ini merupakan badihiyat di dalam Islam. Perbincangan boleh jadi mengambil masa yang panjang, boleh jadi mengambil masa yang singkat di antara seluruh ahli Syura dan Amir, tetapi keputusan ialah bergantung kepada majoriti.

Adapun mereka yang berhujah dengan peristiwa Sayyidina Abu Bakar di hari berlakunya riddah sahaja tidak perlu mengambil pendapat majoriti dan Syura itu merupakan suatu petunjuk kepada Amir dan bukan suatu yang dimestikan, golongan yang berpendapat begini adalah salah, Abu Bakar tidak menghiraukan pendapat majoriti kerana kedapatan nas.

Yang bermaksud:

"Aku diperintahkan supaya memerangi manusia dan mereka mengeluarkan zakat." (Hadith tidak sempat habis Saiyyidina Abu Bakar membahaskan manusia semua, mereka semua sudahpun yakin dan berpuas hati.)

Sesungguhnya setiap peristiwa di dalam masa Khalifah Al-Rasyidin adalah mengikut pendapat majoriti. Memang boleh jadi majoriti mempunyai suatu pendapat kemudian ada seorang lain mengengeluarkan suatu pendapat lain yang boleh diterima ramai, di antaranya Amirul mukminin,maka pendapat ini diterima dan ini bukan suatu yang bertentangan dengan majoriti tetapi majoriti berpuas hati dengan pendapat terakhir ini.

Cara demikian bukanlah suatu cara demokrasi Barat kerana demokrasi Barat memberi kuasa mutlak kepada golongan majoriti untuk menghalal atau mengharamkan sesuatu kerana pada kita tidak ada erti pendapat-pendapat ramai, sekiranya pendapat itu bertentangan dengan nas.

Syura pada kita ialah sesuatu yang tidak ada nas, bagi penghidupan seharian kaum Muslimin dan sebagainya. Oleh itu pendapat majoriti adalah suatu perkara yang biasa di dalam perkara-perkara yang sehubungan dengan

Jamaah Islam (Hizbullah) di mana Syura itu sendiri diwujudkan mengikut lunas-lunas Jama'ah Islam secara ilzam (mesti). Ini ialah kerana beberapa faktor:

1. Selagi mana hasil keputusan yang menyentuh seluruh kumpulan Islam, maka adalah suatu perkara biasa bagi majoriti dari golongan ahli fikir untuk membuat keputusan.

2. Selagi mana pemilihan Amir diberi hak kepada majoriti dari golongan Ahlul-halli Wai-'Aqdi (golongan pemimpin) di dalam Jama'ah Islam (Hizbullah) maka ini adalah suatu perkana biasa kerana ini merupakan iktisas majoriti mereka.

3. Sesungguhnya struktur Jemaah Islam (Hizbullah) tidak akan kemas serasi dengan pimpinannya selagi mana Syura itu tidak hidup di dalamnya.

Adapun orang-orang yang mengatakan Syura ini hanya suatu pemberitahuan (Mu'alimah) dan bukan suatu kemestian (Mulzimah) sebenarnya mereka ini tidak menghiraukan sangat kesan-kesan yang akan timbul daripada percakapan mereka itu. Di antaranya timbul natijah-natijah yang tidak 'amali selain dari percakapan mereka itu sendiri tidak didasarkan kepada nas-nas. Tidak seorang pun yang pernah menyebut bahawa salah seorang daripada Khalifah Al-Rasyidin di suatu ketika telah bermusyawarah dengan Ahlul-halli Wal-'Aqdi (golongan pimpinan). Kemudian pendapat mereka (yang memberi nasihat) itu diabaikan. Sesungguhnya umat Islam tidak akan sempurna urusannya sekiranya kuasa bertindak diserahkan kepada seorang secara mutlak.

Sesungguhnya pada masa sekarang kita melihat pendapat yang mengatakan bahawa Syura itu suatu pemberitahuan bukan suatu kemestian adalah suatu pendapat yang ganjil dan lebih pelik danpada ini lagi, bilamana pendapat ini dipegang oleh suatu organisasi. Kerana mana-mana tanzim yang berdasarkan kepada fikrah ini (iaitu Syura adalah pemberitahuan dan bukan kemestian) akan membawa kepada perpecahan demi perpecahan di kalangan anggotanya, kerana Amir dikala ini tidak mempunyai sebarang kekuasaan untuk memaksa orang mematuhinya. Sesungguhnya Jama'ah itu lebih utama daripada kekuasaan dan perpaduan Jama'ah tidak dibina dengan kekuasaan dan kekerasan tetapi ianya disatukan oleh perasaan redha meredhai di antara anggotanya. Dalam bekerja sekiranya Amir Jama'ah sendiri yang menolak pendapat Jama'ah, maka di ketika itu jama'ah tidak mungkin berjalan malah untuk meneruskan perjalanan biasa pun tidak mungkin apatah lagi untuk berkembang. Sesungguhnya kita, seluruh orang Islam berkewajipan untuk mengujudkan suatu corak Syura yang sesuai di peringkat tempatan, negeri dan peringkat antarabangsa demi untuk mengujudkan suatu daulah Islamiyyah yang akan datang, dengan izin Allah di mana daulah ini mempunyai seluruh tunggak tunggak kejayaan.

Tanpa kehadiran faktor di atas ini kita tidak mengetahui bagaimana sebuah negara kita boleh wujud dan bagaimana Amir kita mampu mengendalikan dunia Islam dari satu penjuru ke satu penjuru yang lain.

Bagi mereka yang berpendapat bahawa Syura pada masa ini sebagai pemberitahuan bukan suatu kemestian seolah-olah mereka memperkatakan mengenai umat Islam itu sebagai suatu keluarga kecil dan jahil bahawa di dalamnya terdapat pimpinan yang bijak dan agung.

Kita berkewajipan menyerahkan hak keistimewaan Syura ini kepada mereka yang berkeahlian dan sekiranya telahpun kita berbuat demikian maka tidak harus keluar dari keputusan yang dicapai dalam Syura mereka atau keluar daripada pendapat majoriti yang telahpun membuat perbincangan, soal jawab dan berpuas hati dengan segala perbincangan itu.

Seorang Amir mestilah berkemampuan untuk membawa majoriti menerima pandangannya yang sihat itu. Dan majoriti yang soleh tidak akan berpecah mengenai pendapat yang baik sekiranya majoriti itu dipilih dan yang baik dan ditarbiyahkan.

Satu yang harus diperhatikan di mana Al-Ustadh Maududi berpendapat Amir hendaklah mengikut Syura secara ilzam (mesti) yang sebelum ini telah mengambil suatu arah yang lain. Boleh jadi di antara yang patut kita ambil di dalam perjalanan Syura kita ialah dengan berpegangkan kepada beberapa kaedah yang boleh sampai kepada suatu pendapat yang paling kemas dengan memberikan hak keistimewaan kepada Amir di dalam semua peringkat. Sekiranya Amir berselisih pendapat dengan majlis kepimpinan maka dengan tugasnya akan membawakan persoalan ini kepada kepimpinan yang lebih tinggi atau kepada barisan (hairaki) yang berwibawa yang lebih luas.

Tidak akan sempurna perjalanan umat Islam kecuali dengan Syura. Dan mereka tidak akan dapat bergerak ke hadapan kecuali dengan Syura. Dan kita sebagai Jama'ah juga tidak akan sempurna kecuali dengan Syura. Jama'ah tidak mungkin tertegak tanpa Syura. Apabila kita gagal melaksanakan Syura secara praktik, maka Jama'ah ini akan terkeluar daripada sifatnya sebagai Jama'ah Islamiyyah. Dan ianya tidak lagi terpilih untuk mengendalikan perjalanan ummah ini. Sebagai memulakan perjalanan yang terpimpin, dengan syuralah kita akan mencapai persetujuan untuk mengambil sesuatu kaedah yang boleh kita bicara dengannya. Dengan syuralah kita boleh memansuhkan suatu kaedah baru sekiranya ternyata yang lama itu salah. Dengan syuralah dapat kita mengatasi problem bersama. Dengan syuralah kita bersetuju untuk berjalan dan membuat keputusan. Tidak seorangpun mampu di dunia ini dan tidak seorang pun seharusnya berjalan dengan Jama'ah tanpa Syura. Oleh itu tidak dapat tidak kita mesti mempunyai kaedah di dalam Syura. Bilakah ianya mesti dan bilakah ianya tidak.

a) Syura di dalam Jama'ah mestilah diserahkan kepada ahlinya. Bilamana Syura telahpun diserah kepada ahlinya, maka pendapat majoriti adalah suatu kemestian kecualilah kalau majoriti itu ingin menyerahkan persoalan kepada kuasa yang lebih tinggi atau kepada suatu kekuasaan yang lebih luas tetapi lebih rendah daripada haknya

yang semesti samada yang itu ataupun yang ini. Tetapi majoriti hendaklah mempunyai hak untuk membuat keputusan.

b) Dari kata-kata Ustadh Al-Banna, bolehlah difahamkan di mana Al-Akh Al-Amil atau Al-Akh Al-Mujahid kewajipannya mematuhi sepenuhnya dari segi prinsip di mana hak Syura itu adalah kepunyaan orang yang lebih tinggi daripada A1-Akh Al-Mujahid, dalam istilah Ustadh Al-Banna dikenal sebagai Al-Naqib atau Al-Akh Al-Na'ib dan yang lebih tinggi.

c) Namun demikian pimpinan berhak memperluaskan bidang Syura sekiranya bidang ini diperluaskan maka keputusan hendaklah diberi kepada majoriti skop tadi. Malah kalau pimpinan ingin memperluaskan lagi skop Syura dalam suatu persoalan kepada ikhwah-ikhwah Amil pun boleh dilakukan berpandukan dengan cermat kepada peristiwa Uhud.

d) Namum demikian setiap persoalan yang sudah pun diputuskan oleh kuasa tertinggi dalam Jama'ah, maka tidak seharusnya dibawa turun kepada kekuasaan yang lebih rendah untuk disyurakan. Tetapi dia masih mempunyai hak untuk membuat pandangan terhadap kesan-kesan negatif, atau berhak membincangkannya. Ini boleh diukur dengan cermat dengan apa yang telah dilakukan oleh Sayyidina 'Umar radiyallahu'anhu di hari Sayyidina Abu Bakar mencanggahi sebahagian mereka di mana 'Umar telah mengoyak kertas keputusan dan terus ke hadapan Abu Bakar membincangkannya.

e) Hendaklah Syura itu dikekalkan sebagai sebahagian dari kaedah-kaedah yang dipersetujui sehinggalah kaedah itu dibatalkan atau dipinda. Sekiranya terdapat kaedah kaedah yang dipersetujui oleh sebuah negeri dengan beberapa negeri yang lain atau di antara suatu markas di dalam sesebuah negeri atau di antara (rakyat umum) dan pimpinan sesuatu markas, maka kaedah inilah yang mesti dikuat kuasakan sehingga dimansuhkan. Ini dapat dicontohi dengan apa yang telah dilakukan oleh R.asulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam pada hari Badar di mana baginda telah mengemukakan dalam bentuk Syura malah berulangkali baginda mengemukakan dengan tujuan untuk mendapatkan pendapat kaum Ansar kerana dicurigai kalau-kalau mereka fahamkan bahawa bai'ah pertama mereka dengan Al-Rasul Sallallahu 'alaihi Wasallam di hari bai'ah Aqabah di mana mereka hanya bertanggungjawab mempertahankan Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam atau membantunya sekiranya baginda diserang di dalam Madinah. Tetapi bilamana Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam diberi sokongan maka Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam pun memutuskan supaya berperang.

Sesungguhnya kita sebagai suatu Jama'ah yang bergerak ke hadapan dan dalam suasana umat Islam yang sedang tenat, kita mengharapkan agar ummah ini dapat menegakkan negara antarabangsanya dengan izin Allah,

dan Jama’ah ini tabi’atnya tidak dapat ditegakkan kecuali melalui kaedah kaedah yang dicetuskan dari Syura. Ia semestinyalah mencapai persoalan ini kerana apa yang telah Allah ‘Azza wajalla jadikan bahawa al-Syura itu adalah di antara ciri-ciri Jama’ah Muslimah sebagaimana yang disebutkannya baik di dalam salat maupun zakat.

Pengendalian urusan ummah Islam secara diktatorship adalah suatu yang salah dan tidak mungkin dapat diterima di zaman kita ini. Sekiranya jelas bagi kita betapa pentingnya Syura di dalam perjalanan dan pembentukkan Jama’ah, serta betapa pentingnya pula kaedah yang boleh menentukan corak al-Syura itu, maka kita berkewajipan menerangkan seterusnya akan pri pentingnya keta’atan di dalam Jama’ah Muslimah. Sesungguhnya kehilangan sifat ta’at dan patuh bererti hilanglah Jama’ah. Dari sini timbullah apa erti ta’at dan apa erti mufaraqah (meninggalkan kumpulan Islam) itu seperti yang disebutkan dalam hadith:

(Sesiapa yang tidak ta’at dan mufarrakah) kita mestilah menyelaraskan di antara pengertian ta’at dan pengertian Syura, kerana banyak di kalangan kita yang dipilih untuk membimbing menuntut agar dita’ati sedangkan mereka tidak tahu hak-tak keistimewaan orang itu untuk menyertai Syura. Mereka tidak berjaya di dalam memimpin ummah Islamiyyah dan mereka tidak berjaya dalam mana-mana bahagian pentadbiran dalam ummah ini, apatah lagi berjaya memimpin Jama’ah Ikhwanul Muslimin di mana-mana. Pembentukkan umumnya berdasarkan kepada nilai-nilai Islam yang sejati bukan dibuat-buat atau dipaksa-paksakan.

Kepada golongan seumpama ini, ingin kita perkatakan: Sesungguhnya kamu tidak akan bertemu di dalam perjalanan kamu selain dan satu natijah sahaja, iaitu setiap orang yang menyertai kamu berniat untuk mufarraqah kamu. Sekiranya para fuqaha’ mazhab Syafi’e membolehkan seseorang itu mufarraqah dengan imam dalam sembahyangnya kerana beberapa hal tertentu apakah saudara nampak orang Muslim itu boleh bersabar dengan pimpinan kamu yang keras, menindas dan berpura-pura dalam suatu masa yang panjang tanpa berniat untuk mufarraqah? Apakah seorang Muslim itu mengendalakan perjalanan syura sejak dari awal lagi? Fikiran yang seumpama ini adalah fikiran yang salah awal awal lagi. Sekiranya Syura mesti dihidupkan dan demikian juga keta’atan, maka bagaimanakah kedua-duanya boleh dipertemukan?

Kita menegaskan: Sesungguhnya seorang Amir yang menta’ati Syura dari dalam Jama’ah, akan lahirkan keta’atan setiap anggota dari dalam kepadanya secara automatik. Sesungguhnya keta’atan anggota Jama’ah ialah ketaatan Syura dan di mana kepimpinan itu tunduk kepada Syura relah dipertanggungjawabkan kepada anggota-anggota yang berkeahlian. Setiap ahli Syura tunduk kepada Syura itu sendiri dan kaedah-kaedahnya yang dicetuskan oleh Syura itu sendiri. Dengan ini sahajalah tercantumnya dua persoalan iaitu Syura dan keta’atan. Syura tunduk kepada pimpinan manakala saf-saf yang dipimpin tunduk kepada pimpinan yang merupakan perlaksanaan keputusan Syura. Kesemua ini sebenarnya adalah tuntutan

hukum syara' dan perlaksanaannya. Perkara ini mempunyai disiplin yang tersendiri yang diketahui ramai di dalam agama kita dan di dalam da'wah kita. Suatu perkara yang mesti jelas kepada kita ialah barisan mujahiddin dan pekerja Islam berkewajipan menta'ati kerana perlaksanaannya memerlukan kepada keta'atan, kecuali bilamana terdapat kemudharatannya.

Sepertimana yang dinaskan oleh para fuqaha' Hanafi yang berkata bahawa menta'ati Amir tentera adalah wajib kecualilah bila pendapat ramai melihat kemudharatannya, maka ketika itu diambil pendapat ramai.

Suatu perkara yang penting di mana jama'ah tidak dapat tidak, mestilah menyesuaikan di antara keta'atan yang mutlak dan bijak dengan Syura yang tidak mengenepikannya atau menolaknya, dan tidak seharusnya agama Allah ini digendalakan. Sekiranya jama'ah tidak berjaya berbuat demikian maka kegagalanlah yang akan diperolehinya. Khususnya dalam peringkat pembinaan ini.

Wallahu a'lam:

PELAJARAN KETIGABELAS

(PIMPINAN-PIMPINAN: PEMILIHAN DAN PEMBENTUKANNYA)

Dalam suatu athar yang panjang daripada Ibnu Abbas Imam Bukhari menyebutkan bahawa:

"Abdul Rahman Bin 'Auf bertemu Ibn 'Abbas lalu berkata: Kalau anda tahu ada seorang datang menemui Amirul Mu'minin lalu berkata; kalau 'Umar mati aku akan lantik (berbai'ah) dengan si pulan. Demi Allah Saiyyidina 'Umar marah, kemudian dia berkata Insya Allah saya akan tampil bercakap di hadapan ramai pada malam ini untuk mengingatkan mereka bahawa ada golongan yang hendak merampas mandat kekuasaan mereka."

Cuba saudara perhatikan perkataan mereka hendak merampas kekuasaan daripadanya ( ) yang pada pokoknya kekuasaan ini adalah daripada syura' dan suatu yang pokok juga di mana siapa saja daripada orang orang Islam tidak boleh berkuasa kecuali dengan keredhaan orang-orang Islam dan syura' mereka. Hadith ini diperkuatkan lagi dengan suatu hadith yang lain yang telah diriwayatkan oleh Ibn 'Abbas daripada 'Umar didalam bahagian terakhir daripada suatu khutbahnya di Madinah. Beliau telah menyebut seperti berikut:

"Sesiapa membai'ahkan seorang lelaki tanpa pemesyuaratan daripada orang-orang Islam, kemudian mubai'ah mereka berdua itu tidak dituruti oleh orang ramai, hendaklah dibunuhkan kedua-duanya."

Sesungguhnya bukanlah merupakan keharusan dengan apa bentuk sekalipun dirampas kebebasan memilih 'Amir di dalam setiap peringkat dan anggota-anggota Hizbullah (parti Allah), dan tidak seharusnya berlaku kelemahan anggotanya dalam memilih salah seorang daripada mereka untuk memerintah di setiap tempat. Samada sedikit atau pun banyak bilangan mereka kerana inilah sahaja jalan yang sempurna untuk mengekalkan keutuhan saff dan untuk mengagihkan tenaga-tenaga ke jalannya yang sebenar dan untuk menjaminkan seseorang itu tidak akan menjadi Imam dengan keadaan dia dibenci orang. Dan setiap anggota Hizbullah berkewajipan meneliti satu persoalan yang penting semasa membuat pemilihan pimpinan iaitu memilih yang paling layak, yang paling ber'ilmu, ber'amal dan yang paling diterima ramai serta memperhitungkan lama dan dahulu dalam da'wah. Kita berpendapat dua perkara ini tidaklah menjadi syarat kepada peraturan dalam pemilihan supaya dapat kita kekalkan peluang terbuka di hadapan mereka yang cerdik serta layak muncul ke hadapan tetapi ini adalah suatu hal yang jarang-jarang berlaku. Tetapi

apabila golongan yang kurang pengalaman atau sedikit pengalamannya tampil ke hadapan untuk pimpinan maka ini boleh membawa kepada "delima" dan berlaku kepincangan di dalam kriteria pemililian dan pertimbangannya. Begitu juga apabila yang lebih muda tampil ke hadapan tindakan ini boleh menimbulkan ejekan atau penghinaan oleh anggota-anggota yang lebih tua dan orang yang lebih kecil ini mungkin tidak mendapat penghormatan yang sepatutnya bahkan boleh membawa kepada penghinaan Jama'ah secara menyeluruh. Bagi orang yang terdahulu ada kelebihannya di dalam Islam.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala:

"Dan orang-orang yang datang sesudah mereka (Muhajirin dan Ansar), mereka berdoa: 'Ya Tuhan kami, beri ampunlah kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami, dan janganlah Engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman; Ya Tuhan kami. sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayang."

(Surah Al-Hasyr: Ayat 10)

Mera'ikan sikap penerimaan umum terhadap seorang pemimpin membawa kita lebih mampu untuk membuat perhubungan dan kerja. Manakala sikap mera'ikan 'ilmu dan melaksanakannya adalah suatu yang lebih membawa kita kepada Istiqamah dan menjauhkan diri daripada yang di keji.

Inilah suatu yang mempunyai hubungan di dalam tajuk pemilihan pimpinan di dalam Islam, tetapi di sana ada suatu perkara yang lain pula iaitulah kerja memproses kelahiran pimpinan yang berkeahlian untuk memimpin kaum Muslimin yang merupakan suatu sudut yang terpenting dalam kerja Hizbullah dan inilah yang akan kita perkatakan seperti berikut:

Lebih daripada satu persoalan Allah Subhanahu Wata'ala telah menceritakan kepada kita mengenai kisah Nabi Adam 'alaihissalam dan di antara apa yang dapat kita perhatikan dari kisah Nabi Adam 'alaihissalam ini ialah Allah Subhanahu Wata'ala tidak menyuruh para Malaikat sujud kepadanya kecuali setelah memperlihatkan kepada mereka tentang kelebihan-kelebihan Adam 'alaihissalam:

Firman ALlah Subhanahu Wata'ala:

"Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para Malaikat: Sujudlah kamu kepada Adam, maka sujudlah mereka kecuali Iblis; ia enggan dan takabbur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir."

(Surah Al-Baqarah: Ayat 34)

Dan perhatikan dari peristiwa yang tercatit di dalam pendahuluan Tafsir Al-Baqarah ini iaitu Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam meminta daripada serombongan yang datang kepadanya setiap seorang membaca sesuatu daripada Al-Qur'an dan di sinilah Rasulullah Sallallahu 'alaihi Wasallam telah melantik seorang dan mereka yang menghafal surah Al-

Baqarah sebagai Amir kerana beliau ini mempunyai kelebihan daripada orang lain.

Kaedah dasar dalam urusan kepimpinan ialah diberikan kepada orang yang berkeahilan; orang yang berkeahlian ini ialah siapa sahaja yang memiliki sifat-sifat khusus dan sifat sifat keahlian untuk Qiadah, biasanya manusia ini tidak akan menyerah pimpinan mereka dengan secara pilihan kecuali kepada manusia yang mereka rasa mempunyai kelebihan dari mereka dan dengan kelebihan itulah dapat memimpin mereka. Orang yang memilih sifat ini ialah orang yang memiliki 'ilmu di dalam politik, 'ilmu mengenai peperangan, seninya, sejarahnya, jalannya, taktiknya dan tuntutan tuntutan Qiadah ketenteraan dan seterusnya dalam semua perkara.

Tidak syak lagi di samping itu terdapat syarat-syarat yang lain untuk setiap jenis pimpinan tetapi ini adalah syarat paling pokok, sesungguhnya umat-umat kafir dewasa ini telah berjaya mengujudkan Mahazin pusat-pusat latihan bagi melahirkan berbagai jenis pimpinan dengan kelayakan yang maksima atau tinggi di dalam setiap sudut dari sudut-sudut penghidupan.

Kepimpinan politik mempunyai pusatnya yang tersendiri iaitu parti-parti yang merupakan sekolah khusus dan pimpinan ketenteraan mempunyai sekolahnya yang tersendiri dengan cara-cara bagaimana boleh melahirkan dan menghasilkan kepimpinan ini dan katakanlah sahaja mana mana sudut penghidupan.

Pusat-pusat ini dibantu oleh biro-biro dan kelab-kelab atau jentera-jentera khusus dan jalan-jalan operasinya sehingga setiap individu boleh mengambil tempatnya yang sesuai untuk berkhidmat kepada bangsanya, tanahair atau 'aqidahnya. Adapun kita sebagai orang Islam, kepimpinan itu bagi kita adalah suatu perkara yang jauh berbeza dengan mereka dari beberapa sudut. Meskipun di sana terdapat beberapa persoalan yang mempunyai persamaan yang tidak dapat ada pada kita dan pada mereka dan kita mestilah mengakui bahawa qiadah-qiadah Muslimah yang terpimpin (Rashidah) tidak mampu melahirkan kecuali dengan bilangan yang sangat sedikit. Dan tidak keterlaluan kalau kita katakan bahawa qiadah yang seumpama ini belum pernah muncul dalam bentuk peribadi yang kamil kecuali dalam generasi pimpinan yang ditarbiyyahkan oleh Rasulu'llah Sallallahu 'alaihi Wasallam di mana hasil daripada tarbiyyah Rasulu'llah Sallallahu 'alaihi Wasallam ini muncul pimpinan-pimpinan agung yang telah memerintah dunia ini dengan syari'at Islam, begitu licin, selicin pengendalian rumah tangga. Dari satu sudut yang lain kita mestilah mengakui di mana golongan kafir telah berjaya dalam usahanya mengadakan institusi-institusi penetasan pimpinan mereka yang berkesan (kelab-kelab, sekolah-sekolah, dan dewan-dewan free mason). Dan jarang sekali institusi-institusi Islam berjaya melahirkan satu generasi yang mampu untuk memimpin di berbagai peringkat dan tidak syak lagi ini adalah satu keperluan yang besar.

Saudara tidak boleh menyerahkan pimpinan ummah ini kepada anasir-anasir yang kerdil atau lemah, jahil atau tidak bermaya atau sempit

pandangan dan ummah Islamiyyah tidak boleh menyerahkan pimpinannya kepada peribadi peribadi seumpama ini. Oleh yang demikian tidak dapat tidak, kita mesti mencari jalan untuk memilih anasir-anasir yang terbaik dan dipertingkatkan bakat dan kemampuannya yang berbeza supaya layak dicalonkan untuk memimpin ummah ini. Untuk menentukan kadar kejayaan kita dalam usaha melahirkan golongan-golongan yang pintar lagi mampu yang boleh dikesan keujudan mereka oleh manusia biasa dan merasakan golongan ini layak diberi thiqah', bergantung kepada kemampuan golongan ini melaksanakan kerja kerja mereka dengan penuh keikhlasan kepada Allah Subhanahu Wata'ala, sejauh itulah kita menuju ke jalan kejayaan.

Dan telah berlalu satu period para pengkaji kedudukan gerakan Islam hampir sebulat suara mengatakan bahawa gerakan-gerakan Islam ini tidak mampu mengekal warisan kepimpinan bagi memenuhi perjuangan dan kerjanya. Gerakan Islam tidak mampu mempertingkatkan anggota anggotanya ke peringkat pimpinan yang tinggi. Sebagai akibatnya, gerakan Islam terhakis dan reput dari dalam. Apakah Hizbullah sanggup mengatasi masalah ini? Lantaran itu kita mengharapkan satu jawapan yang positif.

Sesungguhnya Hizbullah berkewajipan mengorbankan sebahagian besar dari tenaganya dalam rangka progrem mempercepatkan penetasan dan penglahiran pimpinan-pimpinan agung untuk orang-orang Islam. Semuanya ini tidak akan dapat dikerjakan kecuali dengan kerjasama antara pimpinan dan individu. Sesungguhnya tugas pertama bagi Jama'ah ialah memproses pengeluaran saff qiadah untuk orang Islam melalui tarbiyyah pelajaran dan 'ilmu pengetahuan. Sungguhpun begitu, hendaklah dibezakan di antara tarbiyyah seorang al-akh itu, supaya ia menjadi saleh bagi memimpin dan mengepalai ummat adalah satu hal, manakala seorang al-akh itu merasakan dia sahaja berhak memimpin adalah satu hal yang lain pula, yang pertama adalah kewajipan sedangkan yang kedua ialah penyakit.

Kita bermohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya membersihkan hati kita dari segala penyakit.

PELAJARAN KE EMPATBELAS

(PENYESUAIAN YANG SUKAR)

Serumit-rumit suasana yang dihadapi oleh da'wah di masa kini di mana ia memerlukan kepada usaha menyesuaikan di antara beberapa persoalan yang semuanya rumit belaka. Namun serumit mana sekalipun usaha-usaha da'wah ini mestilah dilakukan juga.

A) Thiqah (Kepercayaan) dan Keselamatan

Kepercayaan kepada pimpinan hampir merupakan sembilan puluh peratus dan tuntutan yang diperlukan oleh kerja-kerja dalam bidang politik, kerja-kerja agama malahan kerja-kerja umum secara menyeluruh. Kita adalah gérakan yang merangkumi aspek penghidupan seluruhnya kerana tabi'at Islam menuntut berbuat demikian malah lebih besar dari itu. Oleh itu maka nilai thiqah ini di kalangan pimpinan adalah tinggi dan selepas itu thiqah menjalar hingga ke saf di bawah. Namun demikian thiqah ini tidak mungkin wujud melalui rayuan yang dibuat oleh saf kepada ummah atau rayuan qiadah kepada saf, tetapi thiqah ini lahir dari beberapa faktor. Bibitnya bermula di kalangan qiadah atas kemudian menjalar ke bawah hinggalah ke anggota ummah dengan perantaraan kesedaran, kefahaman, sabar, istiqamah dalam kerja, jauh pandangan, keanjuran, berlapang dada dan menganalisa dengan alasan. Anggota biasa bila berhubung sekejap dengan anggota qiyadah akan terasa penuh kepercayaan selepas pertemuan yang sekejap itu kerana saudaranya mendengar darinya dengan penuh minat dan kesungguhan dan memahami seluruh permasalahan yang beliau berbincangkan sehingga berpuas hati dan pimpinan mengambil berat kepada musykilah sehingga tidak ada yang diabaikan.

Kesemua ini berjalan dan berlandaskan kepada sunnah. Inilah contoh seumpamanya yang mampu menaburkan bibit bibit kepercayaan di kalangan saf, manakala tindakan yang leceh dan kata-kata yang diluahkan tanpa pertimbangan dan perhitungan atau meninggalkan syara' dan hukum hukumNya - kesemuanya ini merupakan faktor yang menggugat thiqah, sedangkan ia merupakan suatu syarat yang menjadi kemestian untuk segala urusan dan setiap perjalanan.

Dalam beberapa ketika Jama'ah boleh membuat sesuatu keputusan berdasarkan kepada beberapa faktor atau beberapa maklumat yang diperolehinya (yang ada padanya) dan dalam beberapa ketika yang lain Jama'ah tidak boleh mendedahkan kepada ahli tertentu sudut-sudut keputusan lantaran dihalang oleh syara' atau keselamatan dan bila mana

tidak kedapatan thiqah yang seutuhnya di antara saf dan qiadah maka mustahil segala sesuatu akan berjalan dengan baik. Kadangkala yang lain pula tidak boleh ditauthiq (diberi kepercayaan) kepada seorang akh kecuali setelah dikenal kerana perlu diperhitungkan dari sudut keselamatan. Dalam hal ini dan seumpamanya akan ternampak kebijaksanaan qiadah dalam tindakannya dan bijaksanaan yang paling tinggi ialah bilamana qiadah mampu mengujudkan thiqah yang paling utuh tanpa mengabaikan tuntutan tuntutan keselamatan, kesemuanya ini tidak akan tercapai oleh qiadah kecuali setelah mampu memenangi thiqah anggota dengan tindakan-tindakannya melalui interaksi yang berterusan serta bijak lagi logik. Sehingga bilamana keadaan memaksa di mana suatu hal itu tidak dapat diberi alasan máka saf bersedia menerimanya tanpa alasan (dalam bentuk talakki) tetapi thiqah masih mantap dan saf masih mempertahankan qiadah berdasarkan kepada pengetahuannya iaitu biasanya berbuat sesuatu adalah melalui kajian yang cermat dan syura yang dipatuhi serta jauh pandangannya., semoga sikap Abu Bakar Radiyallahu 'anhu di hari perjanjian Hudaibiyyah mampu menerangkan maksud ini.

B) PENJELASAN YANG MEYAKINKAN DAN KERAHSIAN

Selagimana sifat menyimpan rahsia tidak menjadi akhlaq dan kebiasaan Jama'ah dan individu dalam Jama'ah kesemuanya, dan selagimana maklumat-maklumat yang diperolehi itu disalurkan tanpa mengikut kaedah tertentu dengan kadar yang diperlukan sahaja dan setiap maklumat itu tidak dirahsiakan dan didedahkan kepada siapa sahaja (kecuali dengan perintah saf) dan selagimana persoalan ini tidak dapat diperkemaskan maka selama itulah Jama'ah akan terus terjatuh ke dalam jebak-jebak merbahaya dan mustahil bagi Jama'ah mencapai matlamatnya. Sesungguhnya pada hari ini kedapatan penyusupan jentera-jentera perisik antarabangsa yang menggerunkan dan dengan satu kesilapan sahaja yang di lakukan oleh seorang Muslim di dalam saf atau di luarnya akan dapat menyeret Jama'ah kepada kebinasan yang dahsyat. Dalam beberapa ketika jiwa seseorang Muslim itu mendesak dan dalam ketika berda'wah kepada jalan Allah supaya bercakap lebih daripada yang sepatutnya. Di dalam menjelas serta meyakinkan pendengar biasanya diluahkan kata-kata yang bertentangan dengan tuntutan kerahsian dan kadangkalanya kesemuanya ini dilakukan dengan hasrat mempertahankan dirinya atau Jama'ah dan sebagai akibatnya terdedahnya suatu yang dirahsiakan. Tidak syak lagi tarbiyyah yang mantap kepada setiap akh adalah merupakan satu satunya penyelesaian. Dengan tarbiyyahlah seseorang akh itu dapat menilai sesuatu percakapan itu samada baik atau pun tidak. Dengan tarbiyyahlah seseorang akh itu tidak mengabaikan keselamatan dan kerahsian serta boleh menilai padahnya khianat - sekiranya ia mengkhianati, setiap akh hendaklah mengetahui jalan untuk mencapai sesuatu itu bukanlah dengan dzan (tidak yakin). Mengabaikan sesuatu rahsia itu dengan mendedahkannya di khalayak ramai dengan tujuan mencari kepercayaan mereka itu adalah merobohkan thiqah dari dalam diri mereka kerana bilamana mereka melihat rahsia-rahsia saudara terdedah kepada mereka maka tiada alasan bagi mereka untuk

mempercayai saudara. Sesungguhnya mereka tidak mampu untuk bersetuju supaya rahsia yang didedahkan itu boleh dikekalkan sebagai rahsia. Akh yang berkenaan mestilah mengetahui jalan yang sebenar untuk menawan keyakinan iaitulah dengan bersebati dengan Islam - tanpa yang lain dan dengan mengetahui hukum hukum dalam Islam serta tunduk kepadanya – tanpa yang lain, selepas itu barulah bermulanya perjalanan di dalam Jama'ah. Selepas itu al-akh mengetahui sempadan-sempadan yang semestinya manakala perjalanan yang tidak tersusun dan berencana, ucapan-ucapan yang tidak bertanggungjawab, keinginan hendak menonjolkan diri sebagai seorang yang 'arif tentang persoalan dalam atau berbohong dan mendakwa sesuatu dengan keterlaluan atau menyebut-nyebut tentang hubungan-hubungan peribadi yang selalu disebut-sebut yang sepatutnya tidak disebut, kesemuanya ini hendaklah dicabut ke akar umbinya. Sesungguhnya penjelasan yang meyakinkan itu tidak seharusnya diluahkan sehingga terjejas kerahsiaan dan kepentingannya.

Telahpun kita perkatakan di dalam pelajaran ini suatu contoh kepada perserasian yang sukar dilakukan. Di dalam pelajaran-pelajaran yang lain kita akan melihat beberapa contoh yang lain pula tentang bagaimanakah boleh dicantumkan di antara rahsia dan kemunculan qiadah di kalangan saf. Bagaimanakah boleh dicantumkan di antara syura dengan kerahsian. Bagaimana boleh dicantumkan di antara pemilihan qiyadah dan kewibawaannya? Bagaimanakah boleh dicantumkan di antara pembaharuan qiyadah dan penerusan tokoh - tokoh asal? Kesemuanya ini merupakan percantuman dan perserasian yang sukar yang tidak dapat tidak mesti di adakan. Pemikiran dan kebijaksanaan yang berdasarkan Islam senantiasa berkewajipan bekerja untuk mencari penyelesaian.

PELAJARAN KELIMA BELAS

(KEPIMPINAN YANG DIPILIH DAN KEPIMPINAN YANG DIPERBAHARUI SERTA KESELAMATAN KEDUA-DUANYA)

Sudah sekian banyak gerakan yang timbul saban hari dengan munculnya tokoh-tokoh (rijal-rijal). Tidak kurang juga gerakan-gerakan itu mati dengan kehilangan rijal rijalnya. Ada pula gerakan-gerakan yang menjadi lemah atau kuat menurut keadaan ketokohan pimpinan-pimpinannya; lemah, kuat, mundur, maju, pasif atau aktif. Keadaan yang sedemikian tidak seharusnya berlaku ke atas gerakan Islam atau Jama'ah Islamiyyah. Terdapat juga suasana gerakan di mana para pendokongnya merasa malas untuk menjalankan tugas dan kewajiban mereka atau barangkali mereka sibuk dengan kerja khusus masing-masing secara persendirian lalu gerakan dan Jama'ah menjadi mangsa. Tidak kurang pula wujud suasana di mana para pendokongnya menyeleweng dari prinsip-prinsip asal. Apakah kecacatan-kecacatan seumpama ini seharusnya berlaku di dalam da'wah Islamiyyah?

Sesungguhnya kelahiran pimpinan-pimpinan di dalam Jama'ah Islamiyyah adalah disertakan dengan muhasabah dan pembetulan-pembetulan dari saf-saf di belakang. Keadaan yang demikian juga wujud di dalam proses memperbaharui pemilihan dari satu penggal ke penggal yang lain. Semua proses ini adalah di antara beberapa faktor yang perlu dihidupkan dalam rangka pembetulan dan menghakiskan pimpinan pimpinan yang malas, menyeleweng dan yang lemah dari kedudukan masing-masing dengan meletakkan kembali pada tempat kedudukan yang sewajarnya dan setepatnya. Apabila tradisi ini dapat berjalan dengan lancar menurut fitrahnya maka itu adalah petanda sihat bagi Harakah Islamiyyah untuk meneruskan risalahnya. Namun demikian ada kalanya proses ini boleh mengeruhkan keharmonian dan kesejahteraan Jama'ah, malah ia mungkin juga akan mendedahkan Jama'ah kepada kemerbahayaan dalam beberapa aspek. Proses ini juga (mungkin) akan menimba-buang tokoh-tokoh asal yang menubuhkan Jama'ah pada awal-awal dulu. Ini adalah kerana proses pemilihan umum akan menukarkan peribadi peribadi yang tidak layak ke kedudukan yang lain dan tempat asalnya. Penukaran ini boleh berlaku kerana peribadi peribadi itu tidak mempunyai syarat-syarat kelayakan yang secukupnya samada kerana peribadi itu sendiri yang tidak berwibawa dalam bidang-bidang iktisas ataupun ia tidak memiliki kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Pokoknya semua faktor-faktor ini mestilah diambil kira secara terperinci di dalam proses pemilihan. Tetapi apakah gerakan Islam itu

dikendalikan dengan pemilihan? Kadangkala turut menyertai Jama'ah anasir-anasir yang lebih pintar dari mereka yang telah lama berada di dalamnya dan kadangkala satu generasi dalam Jama'ah (group) tidak mampu menjadi daya penarik kepada orang Islam atau tidak berjaya mendapatkan kepercayaan mereka dan kadangkala berlakunya pergeseran tertentu di antara pimpinan dan saf atau antara pimpinan itu sendiri sehingga tidak mampu meneruskan pekerjaan bersama yang akibatnya mengendalakan urusan Jama'ah.

Mungkin akan timbul di kalangan pimpinan cara dan sikap yang berlainan dalam menanggapi beberapa persoalan sensitif sehingga mengendalakan urusan. Mungkin juga beberapa daerah tidak serasi dengan pimpinan tertentu. Sebenarnya Sayyidina 'Umar Radiyallahu 'anhu pernah memecat seorang gabenor kerana aduan dari penduduk-penduduk tempatan. Walaupun mereka tidak benar di dalam semua perkara. Ini adalah menjadi dasar di dalam pemilihan kepimpinan. Dan proses memperbaharui pemilihan adalah suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Walaubagaimanapun di sana mestilah wujud satu bentuk penyusunan yang sihat yang boleh dipertanggungjawabkan atas fikrah pemilihannya. Di waktu yang sama, di dalam rangka penyusunan mestilah diperhitungkan juga faktor-faktor keselamatan, keaslian dan kewibawaan. Demikian juga lain-lain persoalan yang merupakan tuntutan di dalam tabi'at kerja-kerja Islami. Kesemua ini adalah merupakan perserasian atau penggarapan yang kadangkala adalah satu perkara yang sukar bagi setengah-setengah peribadi yang lemah untuk melaksanakannya malahan mereka akan menyerah kalah kecuali mereka yang benar-benar berhati-hati dan teliti supaya gerakan Islam mampu mencapai sesuatu dengan sempurna.

Lantaran berhadapan dengan persoalan-persoalan yang sukar itu, gerakan akan mampu mencetuskan suatu kedudukan yang lebih baik. Dalam rangka menggarap dan menserasikan persoalan-persoalan ini, maka hendaklah diambil kira beberapa persoalan di dalam penyusunan dan tarbiyyah:

1. *Ketika suasana biasa-tenang, pemilihan hanyalah dari kalangan Nuqaba' manakala di waktu yang luar biasa atau dalam suasana keadaan yang tertentu, pemilihan bolehlah dibuat di kalangan Naib-naib.*

2. *Pimpinan tertinggi di dalam Jama'ah hanya diberi kepada saf Naib dan Naqib demi menjaga keselamatan dan keasliannya.*

3. *Hendaklah ditentukan ciri-ciri khusus serta kriteria-kriteria tertentu untuk sesuatu kedudukan agar keasliannya dapat dikekalkan.*

4. *Hendaklah digariskan beberapa bentuk panduan agar dapat dilaksanakannya di dalam suasana yang luar biasa sehingga dengannya dapat dikekalkan keselamatan Jama'ah di samping fikrah pemilihan dapat dipertahankan dan diteruskan.*

5. *Dalam semua hal, tidak seorang pun yang seharusnya mencalonkan dirinya untuk tempat dan kedudukan tertentu.*

6. Mestilah diperhatikan sejauh mana para pengundi mengenali peribadi-peribadi calon dengan pengenalan yang sebenar-benarnya sehingga para pengundi itu dapat mengutamakan calon-calon yang lebih berkebolehan, berwibawa dan berpengetahuan dari yang lain.

7. Untuk menjamin penerusan kerja, maka bolehlah ditentukan di awal-awal lagi mereka yang mesti dipilih semula supaya jentera kepimpinan tidak diperbaharui keseluruhannya.

8. Bolehlah dipersetujui dengan pihak lain akan hak dan keistimewaan untuk mencalonkan lapisan-lapisan tertentu, sebagai contoh; lapisan pimpinan-pimpinan daerah bebas dalam membuat pencalonan untuk jawatan 'amir Jama'ah dalam sesebuah negeri di mana ketiga tiga calon utama inilah diajukan untuk pemilihan kepada lapisan-lapisan atas dan bawah.

Kesemua contoh-contoh di atas adalah bertujuan sebagai panduan yang dapat kita manfa'atkan dalam usaha menyelaraskan beberapa persoalan lain yang tidak kurang pentingnya. Yang penting dalam konteks Jama'ah iálah sesuatu persoalan itu dapat ditanggapi dengan beberapa formula biar betapa banyaknya demi untuk mencapal matlamat suci. Kesemuanya mestilah berjalan dalam keadaan tidak sedikitpun mengendalakan yang lain. Namun demikian perkara yang lebih utama mestilah didahulukan.

Sayyidina 'Umar ibn al-Khattab Radiyallahu 'anhu adalah contoh dalam hal ini. Beliau pernah diminta untuk melakukan sesuatu lalu beliaulah orang yang pertama melaksanakan perkara yang diminta itu. Oleh itu, adalah menjadi tugas kita supaya memberikan keutamaan kepada orang orang yang mendahului orang lain dalam hal kebaikan untuk memimpin umat ini, mereka yang berhaluan dan berminat kepada kebaikan dan pembetulan dalam Jama'ah. Hendaknya merekalah yang wajib kita berikan kedudukan tertentu bilamana kita yakin dengan keikhlasan dan wala mereka. Sekiranya di antara mereka masih tidak mempunyai sifat sifat kemuliaan ini, maka tugas kita ialah supaya menumpukan sepenuh keupayaan membina mereka sehingga dapat dilengkapi dan dipenuhi diri mereka dengan sifat-sifat kemuliaan yang sewajibnya. Sifat sebagai Naqib sebagai misalnya. Allah Subhanahu wata'ala telah memperlihatkan hikmatNya agar kita dapat menggunakan hukum sebab-musababab dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk sampai ke tingkat kesempurnaan. Jama'ah pula mestilah memerhatikan kesemua ini dan diketengahkan untuk dilaksanakan. Semua yang kita kemukakan ini adalah sekadar contoh-contoh untuk diperhatikan.